



MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

PEMASHHORAN² OLEH TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Uchapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 181]

Perutusan daripada Dewan Ra'ayat [Ruangan 181]

URUSAN MESHUARAT [Ruangan 183]

RANG UNDANG:

Rang Undang² (Pindaan) (Chukai Pendapatan) [Ruangan 184]

USUL²

Jalan² Masok ka-Parlimen [Ruangan 186]

Timbalan Yang di-Pertua—Perlantikan [Ruangan 186]

Jawatankuasa Pemilih—Perlantikan Ahli² [Ruangan 187]

Uchapan Tahniah kepada Kebawah D.Y.M.M. atas perlantikan-nya—Ikrar Ta'at Setia [Ruangan 187]

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj—Merakamkan Perasaan Penghormatan dan Penghargaan [Ruangan 194]

Uchapan Terima Kaseh kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 228]

JAWAPAN² BERTULIS [Ruangan 243]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 22hb Mach, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Yang di-Pertua, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN
BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ Peguam Negara Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN
YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia
TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K.
(Di-lantek).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Di-lantek).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' CHAN KWONG HON, J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., DATO' KURNIA
INDERA (Di-lantek).
- „ TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- Yang Berbahagia TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M. J.M.N. (Di-lantek).
- Yang Berhormat TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., ORANG KAYA
INDERA MAHARAJA PURBA JELAI (Pahang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
 „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Di-lantek).
 „ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).
 „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).
 „ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
 „ TUAN G. LOUIS (Di-lantek).
 „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
 „ AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
 „ DATO' HAJI PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
 „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
 „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
 „ DATO' ATHI NAHAPPAN D.P.M.S. (Di-lantek).
 „ DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., DATO' KURNIA PANGLIMA RAJA (Pahang).
 „ TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N. (Kedah).
 „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).

Yang Berbahagia TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).

- Yang Berhormat DATO' S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).
 „ TUAN WONG SWEE SOON, A.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
 „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
 „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Berhormat Menteri Ta' Berpotfolio, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
 „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN (Johor).
 „ DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
 „ DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
 „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
 „ TUAN WILLIAM TAN, J.M.N., C.B.E. (Di-lantek).
 „ DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).

YANG HADHIR BERSAMA :

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
 „ Timbalan Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
 „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YA'ACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

PEMASHHORAN² OLEH
TUAN YANG DI-PERTUA

TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA
MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ahli² Dewan Negara, saya hendak mema'alumkan kepada Majlis ini ia-itu Majlis Dewan Negara telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-Dewan Ra'ayat pada 22hb Februari, 1971. Duli Yang Maha Mulia dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Uchapan Baginda kepada kedua² buah Majlis Parlimen. Saya telah di-perentahkan meng-ator supaya salinan Titah Uchapan Baginda itu di-bahagi²kan kepada Ahli² Majlis ini dan di-chetak di-dalam Perbahathan Parlimen.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
RA'AYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Ra'ayat. Sekarang saya jemput Setiausaha Dewan Negara membachakan Perutusan itu.

(*Tuan Setiausaha membachakan Perutusan*)

"19hb Mach, 1971

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Ra'ayat telah meluluskan Rang Undang² yang berikut:

- (1) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan (Saraan) Menteri², 1957, Akta (Saraan Ahli²) Parlimen, 1960, Akta Menteri² Muda, 1960 dan Akta (Saraan) Setiausaha² Parlimen, 1965;
- (2) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi membuat peruntokan berkenaan penchen dan ganjaran bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli² Parlimen;
- (3) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi membuat peruntokan berkenaan penchen dan keistimewaan² bagi Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj apabila beliau bersara dari jawatan Perdana Menteri Malaysia;
- (4) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Ke'adilan, 1964, Ordinan Mahkamah, 1948 dan Kanun² Achara Jenayah bagi Negeri² Melayu Bersekutu dan Negeri² Selat;

- (5) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Peruntokan Di-Raja, 1957;
- (6) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Urusan dan Tabong Haji, 1969;
- (7) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Eksais, 1961;
- (8) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi membuat peruntokan² bagi menubuhkan zon² perdagangan bebas dalam Persekutuan bagi memajukan kehidupan ekonomi negara dan bagi maksud² yang bersangkutan;
- (9) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Insuran, 1963;
- (10) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Rumah Judi 'Am, 1953;
- (11) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Eksais, 1961 Negeri² Tanah Melayu, Ordinan Eksais Sarawak (Bab 27) dan Ordinan Eksais, 1959 Sabah;
- (12) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta (Chukai Pendapatan) Petroliam, 1967;
- (13) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Chukai Pendapatan, 1967;
- (14) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Achara Kewangan, 1957;
- (15) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Bill Pertukaran, 1949;
- (16) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda dan menyatukan Undang² berhubung dengan umur dewasa;
- (17) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Pemegang Amanah, 1949;
- (18) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Penyemakan Undang², 1968;
- (19) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi membuat peruntokan² bagi perkiraan ber-balas²an berkenaan penyampaian saman, sapina dan waran² tertentu antara Malaysia dengan Singapura dan beberapa negeri lain;
- (20) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi membuat peruntokan² bagi memberi bantuan guaman kepada orang² tertentu dan bagi perkara² yang berkaitan dengan-nya;
- (21) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Kesalahan² Kechil, 1955;
- (22) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Polis, 1967;
- (23) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi mengawal urusan ejensi persendirian;
- (24) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Pungutan Rumah ka-Rumah dan di-Jalan, 1947;
- (25) Rang Undang² bernama suatu Akta untuk membuat peruntokan² bagi menuboh, menyeng-gara dan mentadbirkan Universiti² dan Kolej² Universiti dan bagi lain² perkara yang ber-kenaan dengan-nya;

- (26) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959;
- (27) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pelajaran, 1961;
- (28) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960;
- (29) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Sharikat, 1965;
- (30) Rang Undang² bernama suatu Akta untuk melarang pendaftaran atau pelesenan perniagaan² yang menganjor atau di-maksudkan untuk menganjor wang kutu dan pendaftaran sharikat² yang tujuan-nya atau salah satu tujuan-nya ia-lah untuk menganjor ranchangan² atau perkiraan² yang di-kenali dengan berbagai² nama seperti kutu, cheetu, chit fund, hwei, tontine atau sa-bagai-nya dan juga untuk menjadikan sa-bagai bersalahan di-sisi undang² bagi sa-siapa menjalankan perniagaan menganjor ranchangan² atau perkiraan² tersebut dan untuk membuat peruntokan bagi perkara² bersampingan dengan-nya;
- (31) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Keretapi, 1958;
- (32) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalu-Lintas, 1958;
- (33) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi menubuhkan Majlis Sokan Negara Malaysia dan bagi membuat peruntokan² yang berhubung dengan-nya;
- (34) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Enakmen Lembaga Bandaran Negeri² Melayu Bersekutu sa-takat mana ia-nya dipakai bagi Perbandaran Ibu Kota, Kuala Lumpur;
- (35) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pilehanraya Kerajaan Tempatan, 1960;
- (36) Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Negara, 1960 dan Akta (Saraan) Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat, 1960;

dan menyerahkan-nya kepada Dewan Negara bagi di-persetujukan.

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA, DEWAN RA'AYAT."

URUSAN MESHUARAT

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, menurut peruntokan² Peratoran Meshuarat 66, saya bangun mengemukakan kepada Majlis ini semua Rang Undang² yang telah di-hantar oleh Dewan Ra'ayat dan meminta supaya bacaan kali yang kedua Rang² ini di-pertimbangkan dalam meshuarat ini dan di-luluskan.

Saya juga memohon supaya Rang Undang² (Pindaan) (Chukai Pendapatan) di-pertimbangkan dengan serta-merta sekarang juga kerana Rang Undang² ini mesti-lah di-luluskan tidak lewat daripada 24hb Mach, 1971 kerana perintah berkanun meminda चुukai pendapatan ini telah di-luluskan pada 24hb Disember tahun lalu dan masa-nya hendak meluluskan Rang Undang² bagi pindaan itu ia-lah ada tiga bulan. Supaya hendak mengelakkan keluputan perintah berkanun itu mustahak-lah Rang Undang² ini di-luluskan sa-belum 24hb Mach bulan ini. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya men-chadangkan Rang Undang² ini di-timbangkan serta-merta untuk di-luluskan sekarang juga.

RANG UNDANG²

(RANG UNDANG² (PINDAAN) (CHUKAI PENDAPATAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan bahawa suatu Rang Undang² bernama satu Akta bagi meminda Akta Chukai Pendapatan, 1967 di-bacha bagi kali yang kedua.

Dalam ucapan belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 22hb Disember, 1970 ada-lah di-umumkan bahawa kadar pengurangan चुukai yang di-beri sekarang kepada pembayar² चुukai di-Malaysia Timor akan di-kurangkan daripada 30% kepada 20% sa-bagai satu langkah untuk menyamakan kadar² चुukai dalam Malaysia.

Satu perintah berkanun telah pun di-keluarkan sa-lanjut-nya pada 24hb Disember, 1970 di-bawah Sekshen 6 (2) Akta Chukai Pendapatan, 1967 untuk menguatkuasakan langkah चुukai tersebut.

Sekshen 6 (3) Akta Chukai Pendapatan 47/1967 memberi syarat bahawa perintah² yang di-keluarkan di-bawah Sekshen ini akan luput sa-telah tamat-nya tempoh masa selama 3 bulan yang bermula dari tarikh perintah tersebut di-keluarkan melainkan jika satu Akta untuk mengubah kadar itu di-luluskan. Memandangkan kepada keperluan berkenaan ini ada-lah mustahak bahawa Rang Undang² Chukai Pendapatan Pindaan, 1971 yang telah pun di-edarkan kepada Ahli² Yang Berhormat ini di-luluskan.

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk mengubah kadar cukai seperti yang telah disebutkan terlebih dahulu tadi bagi tahun taksiran 1971 dan tahun² taksiran yang kemudian-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Abdul Samad bin Osman: On a point of clarification. Tuan Yang di-Pertua, saya minta tanya ada-kah boleh Menteri bawa usul ini, kerana sa-tahu saya chuma Ahli Dewan Negara sahaja yang boleh bawa usul. Ini Menteri yang bawa

Tuan Yang di-Pertua: Usul ini tadi telah di-bawa oleh Peguam Negara; Menteri hanya memberi penerangan.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Sa-orang Menteri yang sokong, yang itu yang saya hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Saya ingat tidak boleh.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Untuk penerangan Ahli² Dewan Negara ini, tiap² Menteri sekarang walau pun Timbalan Menteri boleh menyokong, melainkan tidak boleh mengundi antara kedua² Dewan, bagaimana saya juga di-Dewan Ra'ayat sana, membawa usul, membahath dan lain² semua boleh, melainkan mengundi sahaja.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-
setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam
Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-
bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak
ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga
dan di-luluskan.

USUL²

JALAN² MASOK KA-PARLIMEN

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya men-
chadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, sa-lama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang ini, jalan² melalui lorong² menuju ka-Dewan ini hendak-lah sentiasa terbuka dan boleh di-lalui, dan jangan ada apa² halangan menggalang Ahli² hendak pergi dan balek dari Dewan ini, jangan berlaku apa² kachau-bilau di-jalan² menuju arah ka-Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di-Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendak-lah menyampaikan Perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Tan Sri T. H. Tan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-
setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, sa-lama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang ini, jalan² melalui lorong² menuju ka-Dewan ini hendak-lah sentiasa terbuka dan boleh di-lalui, dan jangan ada apa² halangan menggalang Ahli² hendak pergi dan balek dari Dewan ini, jangan berlaku apa² kachau-bilau di-jalan² menuju arah ka-Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di-Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendak-lah menyampaikan Perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

TIMBALAN YANG DI-PERTUA— PERLANTEKAN

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya men-
chadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Dato' S. O. K. Ubaidulla di-pilih jadi Timbalan Yang di-Pertua.

Tan Sri T. H. Tan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-
setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Yang Berhormat Dato' S. O. K. Ubaidulla di-pilih jadi Timbalan Yang di-Pertua.

JAWATAN-KUASA PEMILEH— PERLANTEKAN AHLI²

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan:

Bahawa Ahli² yang berikut—

- (1) Yang Berhormat Tan Sri T. H. Tan,
- (2) Yang Berhormat Nik Hassan bin Haji Nik Yahya,
- (3) Yang Berhormat Dato' Y. T. Lee,
- (4) Yang Berhormat Syed Hassan Aidid,

hendak-lah jadi Ahli² Jawatan-kuasa Pemilih ini bagi tempoh Penggal Yang Pertama.

Menteri Dengan Tugas² Khas dan Pengerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong chadangan ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Ahli² yang berikut:

- (1) Yang Berhormat Tan Sri T. H. Tan,
- (2) Yang Berhormat Nik Hassan bin Haji Nik Yahya,
- (3) Yang Berhormat Dato' Y. T. Lee,
- (4) Yang Berhormat Syed Hassan Aidid,

hendak-lah jadi Ahli² Jawatan-kuasa Pemilih ini bagi tempoh Penggal Yang Pertama.

UCHAPAN TAHNIAH KAPADA KEBAWAH D.Y.M.M. ATAS PERLANTEKAN-AN-NYA—IKRAR TA'AT SETIA

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan amat sukachita dan bangga mengemukakan Usul ini bagi pehak Dewan ini ia-itu:

Bahawa suatu Uchapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Yang di-Pertuan Agong—

Mempersembahkan suatu ucapan tahniah kepada Kebawah Duli atas lantekan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong;

Melafadzkan ikrar ta'at setia Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia, dan Dewan ini yakin dengan izin Allah, dengan lantekan Baginda itu Malaysia akan menempoh zaman yang bertambah² ma'amor, amam sentosa sallahu²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini ia-lah tahun yang bersejarah bagi Malaysia kerana

dalam tahun ini dua peristiwa yang penting telah berlaku. Pertama-nya, Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah sa-bagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelima.

Negara telah menyambut pertabalan itu dengan meriah-nya dan dengan perasaan yang gembira. Sa-masa negara sedang menyambut perayaan ini suatu peristiwa yang penting juga terchatit dalam sejarah, ia-itu negara kita telah kembali kepada pemerentahan berparlimen. Parlimen telah di-panggil balek bersidang sa-telah di-bubar pada 20hb Mach, 1969. Baginda Seri Paduka telah berkenan pula bertitah kepada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sa-sungguh-nya bertuah Negara kita mendapat sa-orang Raja yang mempunyai sifat² serta pengetahuan dan pengalaman dalam pentadbiran. Saya sendiri telah mendapat peluang berkhidmat di-bawah Kerajaan Baginda sa-bagai Penasihat Undang² sa-masa Baginda bersemayam sa-bagai Sultan di-Kedah. Saya dapati Baginda ia-lah sa-orang Raja yang peramah, suka bergaul dengan ra'ayat Baginda dan meng-ambil berat dalam hal ehwal pentadbiran negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya berasa bertuah mendapat peluang berkhidmat di-bawah Kerajaan Baginda, tetapi pada kali ini saya di-bawah pemerentahan Baginda sa-bagai Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ia-lah negara yang mengamalkan pemerentahan beraja sa-chara demokrasi berparlimen. Yang di-Pertuan Agong ia-lah Kepala Utama Negara (Supreme Head) bagi Persekutuan dan ada-lah menjadi simbol yang melambangkan perpaduan Malaysia ini. Kapada Baginda-lah semua ra'ayat jelata dari berbagai peringkat, berbagai keturunan dan agama menumpukan ta'at setia mereka yang tidak berbelah bagi.

Oleh yang demikian, saya bagi pehak Dewan ini dengan perasaan yang penoh khusu' dan tawadhu' mempersembahkan Uchapan Tahniah yang sa-tinggi²-nya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, di-atas lantekan Baginda sa-bagai Yang di-Pertuan Agong dan juga menyampaik-kan ikrar ta'at setia dengan sa-penoh-nya kepada Seri Paduka Baginda, di-sertai dengan keyakinan yang penoh bahawa

dengan izin Tuhan dalam Pemerintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa lima tahun yang akan datang Malaysia insya' Allah akan terus maju menjadi sa-buah Negara yang aman ma'amor dan bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan usul ini.

Tan Sri Mohammad Ghazali bin Shafie:
Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya

Tuan Yang di-Pertua: Ada-kah hendak menyokong?

Tan Sri Mohammad Ghazali bin Shafie:
Menyokong. Dan izinkan saya dan beri-lah kapada saya satu penghormatan yang istimewa buat menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1971 ini bermula dengan peristiwa duka dan suka. Duka kerana kita memasoki tahun baharu dengan banjir di-seluruh negara, dan suka kerana negara kita memasoki arena baharu di-dalam sejarah perkembangan demokrasi dan pemerintahan sa-chara demokrasi berparlimen di-pulehkan sa-mula sa-lepas beberapa bulan di-gantong.

Yang lebeh menawan hati ra'ayat jelata ia-lah Perlantikan dan Pertabalan Baginda Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Kelima. Ini bukan-lah berm'ana, Tuan Yang di-Pertua, Keempat² Yang di-Pertuan Agong yang lalu itu tidak menulis sejarah tanah ayer, tidak sa-kali² maksud saya bagitu. Bahkan kesemua-nya menchipta sejarah yang tertentu untuk tanah ayer kita. Apa yang berbedza antara Pemerintahan Seri Paduka Baginda hari ini dengan yang lain² itu ia-lah dengan izin Allah subhanahu wata'ala, maka pemerintahan Baginda ini di-sesuaikan pula dengan pemindahan kuasa pentadbiran Negara ini dari Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman kapada Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak. Jadi, Duli Yang Maha Mulia dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kedua²-nya berada dalam lengkungan umur yang muda. Dan dengan ini juga, maka tamat-lah babak pertama sejarah tanah ayer kita dan sekarang kita memasoki ambang era baharu. Sa-bagaimana yang saya sebutkan bahawa Duli Yang Maha Mulia dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada-lah gulungan muda belaka. Dan ini sangat memberi ma'ana serta kesan yang

sangat besar kapada seluruh negara, kerana jenerasi muda sekarang ini sudah mula mengambil berat terhadap aktiviti² tanah ayer dari semua lapangan, sama ada sosial, ekonomi atau politik. Ada-lah menjadi tanggung-jawab kita semua dari sa-tinggi² hingga ka-sarendah²-nya untuk memainkan peranan masing² bagi mengisi babak baharu tanah ayer kita ini supaya Pemerintahan Seri Paduka Baginda sa-lama lima tahun akan datang penoh dengan sejarah yang memberi faedah kapada ra'ayat jelata.

Kejayaan atau kemundoran, mara atau tidak-nya negara kita ada-lah terserah kapada tiap² orang yang menumpahkan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulus-nya Undang² (Pindaan) Perlembagaan oleh Dewan ini dan Dewan lagi satu, maka hak tiap² kaum itu terjamin dan sudah tentu menghapuskan segala shak wasangka dan kebimbangan yang selalu timbul antara kita sama kita dalam masa 14 tahun yang lalu. Dengan ada-nya jaminan² serta pagar yang di-sediakan oleh undang² terhadap hak kita itu, maka tidak ada sebab mengapa ra'ayat Malaysia ini yang berbilang bangsa tidak dapat hidup lebeh ma'amor dan lebeh bahagia serta bebas dari perasaan shak wasangka di-bawah Pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pengalaman Baginda di-dalam lapangan akademik dan pentadbiran ada-lah satu² kelebihan yang ada pada Baginda dan dengan itu, maka sudah tentu Baginda akan menjadi obor kemajuan yang sedang menanti di-hadapan kita.

Sifat Baginda yang suka berchampur gaul dan peramah itu sudah tentu memikat saganap lapisan masharakat.

Saya mempunyai keyakinan penoh bahawa Baginda akan menjadi salah sa-orang lagi Ketua Negara yang di-kasehi serta popular di-kalangan ra'ayat yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya ucapan ini tidak lengkap jika saya tidak menyentuh sedikit tentang Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tengku Bahiyah, sifat Baginda yang lemah lembut dan chenderong kapada kerja² kebajikan masharakat merupakan satu²-nya sifat Baginda yang tertentu semenjak beberapa tahun lama-nya Baginda sangat chergas dalam kerja² kebajikan

masyarakat dan sukarela dan sangat mengambil berat memimpin kaum ibu di-kawasan luar bandar. Dengan panduan dan galakan Baginda, maka sudah tentu kaum wanita di-negeri ini akan maju sa-tapak lagi kehadapan dalam bidang perjuangan kaum wanita. Saya yakin, Baginda akan menjadi kesayangan ra'ayat khas-nya kaum wanita untuk sa-lama²-nya.

Perlantikan Baginda berdua ka-Takhta Kerajaan Persekutuan ada-lah merupakan pilihan di-Raja yang muda sa-kali pernah Malaysia mempunyai dahulu masa 14 tahun yang lalu.

Sa-lama 5 tahun yang akan datang maka Takhta Malaysia benar² mencherminkan kedudukan ra'ayat-nya yang pada masa ini mempunyai lebih dari 50% terdiri daripada pemuda dan pemudi dan Baginda berdua akan menjadi ilham serta inspirasi pada kita semua untuk terus berjuang serta mara hadapan bagi memasok ambang bahagia di-dalam Malaysia baharu. Saya menyokong (*Tepek*).

Tan Sri T. H. Tan: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dengan sa-penoh-nya usul yang di-bawa oleh Yang Berhormat Peguam Negara dan saya ingin mengambil kesempatan di-sini untuk berhubung dengan ra'ayat Malaysia bagi mendo'akan kepada Tuhan supaya melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Saya perchaya bukan sahaja Ahli² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat, tetapi semua ra'ayat Malaysia melafadzkan ikrar ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya maseh ingat lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ka-Hospital Sakit Gusta dalam tahun 1970. Lawatan itu telah menunjukkan dengan terang saperti Seri Paduka Baginda berdua kepada satu kaum orang² dan kepada nasib mereka yang sangat burok. Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, baharu² ini Seri Paduka Baginda berdua telah mengarah bagi mengechilkan perbelanjaan atas pertabalan-nya supaya mangsa² banjir mendapat lebih faedah dan pertolongan dari Kerajaan kita. Ini-lah satu lagi chontoh simpathi Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda berdua kepada ra'ayat Malaysia. Atas perkara² ini saya ucapkan banyak terima kaseh kepada Seri Paduka Baginda berdua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sa-kali lagi menyokong dengan sa-penoh-nya usul yang di-hadapan Dewan Negara.

Tuan Mohd. Hanipah bin S. Alaudin: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama² menyokong di-atas usul menyembahkan satu Uchapan Tahniah kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas lantekan menyandang jawatan sa-bagai Yang di-Pertuan Agong. Sa-lain daripada itu juga bagi pehak saya sendiri

Tuan Yang di-Pertua: Ada-kah Yang Berhormat itu membacha ucapan? Saya nampak ada memegang kertas!

Tuan Mohd. Hanipah bin S. Alaudin: Tidak. Melafadzkan ikrar ta'at setia saya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang mana ta'at setia yang telah di-ucapkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara dalam usul tadi, pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, ta'at setia ini hendaklah bukan-nya sahaja bagi Ahli² Yang Berhormat Dewan ini tetapi patut-lah seluroh ra'ayat daripada semua bangsa di-dalam negara ini, memberi ta'at setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan tidak ada berbelah bagi sa-bagai ra'ayat Malaysia yang mempunyai ta'at setia bagi faedah negara Malaysia ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli² Dewan Negara yang di-kasehi. Saya menyokong penoh atas usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara kita yang telah di-bachakan tadi. Dan juga telah di-sambong oleh yang kita kasehi Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita malafadzkan ikrar tetapi kita wajib ta'at setia kepada Raja kita. Jadi perintah daripada Tuhan yang berbunyi dalam Qur'an yang bermaksud ta'at oleh kamu akan Allah dan Rasul dan kepada pemerintah kamu. Bukan sahaja kita sa-mata² berikrar, tetapi wajib kita ta'ati Raja kita. Jika kita tidak ta'ati Raja kita yang kita kasehi yang memerintah

kita, kita akan mendapat bermacam² mala-petaka yang akan datang pada kita. Itu-lah sahaja ucapan saya dengan menyokong usul ini bukan sahaja kita berikrar, kita wajib ta'ati bagaimana pemerintah Allah Subhanahu wata'ala dalam Qur'an. Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka-lah mengambil bahagian sedikit atas usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang telah memberi ingatan kepada wanita, jadi saya bagi pehak wanita juga menyokong usul yang di-bawa oleh Peguam Negara atas Uchapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebab saya perchaya tidak ada sa-orang pun yang akan membangkang bahkan pula wanita yang ada di-dalam negeri ini, sebab banyak perkara² yang Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah membuat jasa² bakti² kepada semua golongan ra'ayat dengan tidak menghiraukan apa bangsa sa-kali pun. Bagitu juga saya terkenang patut kita mengingati bonda-nya Raja Permaisuri Agong ia-itu Tengku Kursiah yang mula² sa-kali bila mana itu kita hendak merdeka, beliau telah membuka satu gelang berlian yang telah di-berikan derma yang pertama kepada parti yang telah di-anjorkan oleh Kerajaan hari ini.

Saya rasa tidak ada satu daripada perkara yang mushkil yang di-jalankan, atau mengambil segala lapangan di-dalam negara kita ini, bagitu juga saya mengenangkan hari Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya rasa sa-bagai hendak menitikkan ayer mata bila mana Seri Paduka Baginda berdiri memberitahu kepada kita:

"Tuan² dan Puan², Yang Berhormat² sila dudok." Ini satu kebesaran yang telah di-berikan kepada kita. Jadi, bagi pehak saya sa-bagai sa-orang wanita ada-lah menyokong dengan sa-penoh²-nya dengan apa chara jua sa-kali pun kita dapat mempertahankan negara kita yang kita chintai pada hari ini, yang kita kaseh kepada Raja kita Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Demikian-lah dengan ringkas ucapan saya kepada Majlis ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa suatu Uchapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Yang di-Pertuan Agong—

Mempersembahkan suatu Uchapan tahniah kepada Kebawah Duli atas lantekan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong;

Melafadzkan ikrar ta'at setia Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia, dan Dewan ini yakin dengan izin Allah, dengan lantekan Baginda itu Malaysia akan menempoh zaman yang bertambah² ma'amor, aman sentosa sa-lama²-nya.

YANG TERAMAT MULIA TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ— MERAKAMKAN PERASAAN PENG- HORMATAN DAN PENGHARGAAN

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan yang berbunyi demikian:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk merakamkan perasaan penghormatan dan penghargaan yang sa-tinggi²-nya kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di-atas perkhidmatan-nya yang chemerlang dan pengorbanan-nya untuk Negara dan ra'ayat Malaysia sa-hingga dengan pimpinan-nya yang bijaksana kemerdekaan Negara dan kema-juan yang gilang gemilang dalam beberapa lapangan telah terchapai; dan melahirkan harapan dan do'a moga² Yang Teramat Mulia Tunku akan terus menekmati kesentosaan hidup di-dalam usia yang berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Dewan sedia ma'alum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah bersara daripada menjadi Perdana Menteri Malaysia sa-telah berkhidmat kepada negara dengan chemerlang-nya sa-lama lebeh kurang 15 tahun. Dengan pimpinan Yang Teramat Mulia Tunku yang bijaksana ra'ayat jelata di-Malaysia ini telah bersetuju dan berjuang menuntut kemerdekaan dari penjajahan British. Dalam perjuangan ini Tunku telah menunjukkan bahawa ia-lah sa-orang pemimpin yang ta' tahu penat lelah dan yang sunggoh² berazam. Dengan keazaman Tunku ini-lah, maka negara kita dapat melepaskan daripada belenggu penjajah British pada 31hb Ogos, 1957.

Tunku dengan kejayaan-nya yang besar ini telah menjadi pilehan sa-chara otomatik sa-bagai Perdana Menteri yang pertama.

Sa-lepas merdeka negara kita dengan pimpinan Tunku yang bijaksana itu makin sa-hari ka-sahari bertambah maju dalam segala lapangan.

Tuan Yang di-Pertua, nama Tunku bukan sahaja terkenal dalam negeri kita ini bahkan terkenal juga dalam lapangan antara bangsa. Tunku telah juga memainkan peranan yang chemerlang dalam lapangan politik antara bangsa. Tunku ada-lah terkenal sa-bagai sa-orang pejuang, pelawan apartheid. Dengan desakan Tunku, Afrika Selatan telah di-pechat daripada menjadi Ahli Anggota Negara² Komanwel. Tunku juga mengambil berat dalam lapangan ugama Islam. Per-tubohan² Negara Islam dan Secretariat Islam ia-lah hasil dari chadangan² Tunku.

Memandang kapada kejayaan Tunku yang telah lepas, maka Islamic Conference bagi Menteri² Luar Negara² Islam telah melantik Yang Teramat Mulia itu sa-bagai Setiausaha Agong yang pertama bagi Secretariat Islam itu. Di-atas perlantikan ini, saya suka meng-ambil peluang menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Tunku, muga² Allah lanjutkan usia Tunku dan berkekalan-lah beliau mendapat rahmat dan dalam sehat walafiat sa-lama²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong chadangan ini.

Tunku Abdul Rahman satu mutiara yang tidak dapat di-lupakan di-dalam negara Malaysia sama ada oleh kawan atau lawan. Keperibadian Tunku ada-lah merupakan detik sejarah dan keperibadian negara ini sendiri, sungguh pun beliau mengundorkan diri dari pimpinan negara namun jasa-nya tidak hilang daripada pengetahuan ra'ayat untok sa-lama²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, jika Amerika Sharikat mempunyai George Washington yang hari lahir-nya di-ishtiharkan sa-bagai Hari Kelepasan 'Am sa-hingga sekarang di-anggap sa-bagai pemimpin Amerika yang ulong menchipta bentuk masharakat yang bersatu-padu dari berbilang rumpun kaum dan ugama, maka Malaysia juga mempunyai sa-orang putera-nya yang menjadi akitek pembenaan masharakat daripada berbagai keturunan untok menjadi satu bangsa Malaysia. Buat saya, Tuan Yang di-Pertua, maka kali pertama bagi saya menemui Tunku ia-lah di-London dalam tahun 1948. Sa-bagai sa-orang stranger, maka perjalanan saya ka-London itu macham-lah sa-ekor

anak ayam kehilangan ibu dan mempunyai perasaan yang berdebar² serta fikiran saya, tetapi segala-nya sudah berubah. Apabila saya sampai kapada satu seteshen di-London, melihatkan sa-orang dari bangsa saya berdiri menggeletar dalam sejok, dan orang itu ia-lah Tunku. Beliau telah menunggu ketibaan saya, bukan sebab saya anak orang besar, atau orang kaya, atau orang kenamaan yang dia terpaksa menyambut, tetapi ia-lah kerana beliau tahu di-waktu itu tidak ramai orang² Malaya di-sana dan mengerti dengan perasaan sa-saorang yang baharu tiba.

Jadi, kapada saya, Tuan Yang di-Pertua, di-waktu itu beliau-lah yang memberikan perasaan saya ini tidak terbuang dan tidak tertinggal dan dia ini di-sifatkan sa-bagai sa-orang bapa. Sunggoh pun kejadian-nya itu kecil tetapi besar ma'ana-nya lebeh² lagi kami bertemu pada kali yang pertama, macham saya kata tadi beliau datang ka-seteshen waktu yang dingin, ini dengan sendiri-nya merupakan keperibadian-nya yang suka memberikan segala apa yang beliau boleh dan apa yang beliau ada kapada mereka yang memerlukan-nya.

Sa-lepas di-London, maka saya berchampur terus dengan Tunku sa-masa beliau menjadi pemimpin politik dan saya sa-orang Pegawai Pentadbir sa-hingga-lah pada tahun tarikh ia-itu pada 22hb September, 1970 dalam mana beliau bersara daripada jawatan Perdana Menteri dan saya pula meninggalkan Perkhidmatan Awam serta memasoki lapangan politik. Boleh-lah saya katakan bahawa kemasokan saya ka-arena politik ini ada-lah perangsang dari Tunku sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya selalu berchampur dalam perbinchangan² politik dalam masa Parti Perikatan mengator langkah perjuangan kemerdekaan, dan salah satu keistimewaan Tunku yang saya dapati, ia-lah kita kadang² tidak tahu bila masa beliau itu serious dan bila pula beliau itu tidak serious dalam menjalankan tugas²-nya, dan kadang²-nya penoh pula dengan jenaka dan segala sense of humour.

Dalam masa perbinchangan yang serious juga beliau sentiasa tenang dan sungguh pun sifat-nya bagitu tetapi tiap² detik perbuatannya mempunyai ma'ana yang besar dan merupakan tapak perjuangan negara. Sa-masa beliau menjadi Ketua Menteri sa-lepas pilihanraya tahun 1955 dahulu, pehak Kerajaan British memberi beliau sa-buah rumah di-Hose Drive, ia-itu sa-buah

rumah yang sudah burok dan bochor. Apabila hari hujan, maka Tuanku dengan isterinya terpaksa memindahkan katil-nya, kalau tidak neschaya mereka tidor dalam kebasahan. Dalam salah satu perbualan dengan-nya, maka soal rumah bochor pun timbol. Kami suroh beliau minta rumah lain, tetapi apa jawab-nya, kalau hendak rumah baharu, kata Tunku, maka kemerdekaan mesti dipercepatkan. Dia tidak mahu merengek² atau merayu² kepada Kerajaan British untuk mendapatkan rumah tetapi beliau menumpukan nekat untuk membebaskan negara dari belunggu penjajahan.

Hasil-nya bukan kesenangan untuk dirinya sendiri tetapi ia-lah untuk semua ra'ayat. Di-rumah-nya di-Hose Road itu juga rumah bochor tadi, di-situ-lah mula² diperbincangan bagaimana hendak memperjuangkan utong nasib saudara² kita yang berada di-wilayah Borneo, di-Sabah, di-Sarawak dan di-Brunei.

Oleh kerana konsep Malaysia itu mula² di-perbincangkan dengan mendalam di-rumah Tunku yang bochor tadi, maka bangunan Kementerian Luar Negeri, ia-itu Kementerian yang pertama mengusahakan pembentokan Malaysia yang di-pimpin oleh Tunku, di-bena di-atas tapak rumah itu, mengenangkan sejarah negara dan bangunan itu di-namakan Wisma Putra, sempena nama Tunku. Segala usaha Tunku ia-lah untuk menwujudkan keamanan, keadilan dan kema'amoran bagi ra'ayat yang berbilang bangsa. Beliau suka melihat ra'ayat menekmati segala kesenangan dan kehidupan serta mendapat hak masing² sa-bagai ra'ayat yang merdeka.

Satu sifat-nya ia-lah pemurah dan penyang. Ini dapat di-lihat sa-masa beliau-mengishtiharkan pengembumian jenazah Allah-yarham Dato' Onn sa-bagai State Funeral barangkali dalam tahun 1962, kata-nya: "I have great respect for him," kata Tunku, "I will never forget what he had done for the Malay people, his death had robbed us of one of the leaders of our country."

Dengan sikap itu, maka beliau menamakan jalan Jabatan Perdana Menteri yang dulu-nya bernama Brockman Menter kepada Jalan Dato' Onn. Memang jarang sa-kali sa-orang pemimpin dalam dunia ini khas-nya di-kalangan negara² yang membangun atau yang sedang naik maju sanggup menyerahkan kuasa-nya kepada orang lain pada ketika beliau masih lagi di-dalam keadaan kekuatan.

Keistimewaan yang menchatitkan sejarah Malaysia ini memang tidak dapat di-mana² di-dunia.

Mari-lah kita bersama² mematohi segala nasihat dan rayuan-nya sa-bagai tanda kita menghargai perjuangan Bapa Malaysia.

Dato' Yang di-Pertua, pada saya-lah tidak ada perkataan dan wang ringgit atau emas sa-kali pun yang mempunyai nilai yang sama untuk ra'ayat Malaysia memberikan penghargaan-nya kepada Tunku melainkan bersama²-lah kita berdo'a agar Tuhan limpahkan rahmat-nya, agar Tunku berada dalam keadaan sehat dan lanjutkan usia-nya serta menchapai kejayaan di-perengkat inter-nasional bagi merapat dan menyatukan umat Islam di-seluruh dunia sa-bagai Setiausaha Agong Sekretariat Islam yang meninggikan lagi maruah negara kita ka-perengkat antara-bangsa.

Perjuangan Tunku, Dato' Yang di-Pertua, sa-lama lebeh dari 20 tahun, telah meletakkan negara ini di-peta dunia dan menjadikan negara ini juara, macham saya sebutkan tadi, menentang colonialism, menentang apartheid, hinggakun dunia luar ada ketika-nya lebeh mengenal nama Tunku dari nama Malaysia; dan banyak lagi ucapan² dan kata² yang boleh saya kemukakan untuk menggambarkan keperibadian beliau, tetapi, Dato' Yang di-Pertua, memadaï dengan apa yang saya sebutkan tadi.

Sa-belum-nya saya mengakhiri ucapan saya, benarkan saya memberi sa-tinggi² tahniah dan pujian kepada sa-orang wanita yang sentiasa bersama Tunku, baik kering, baik basah, baik senang, baik susah, yang menjadi satu teman dan kawan, yang menjadi penasihat dan penawar, ia-itu isteri-nya yang baik budi dan di-kasihi ramai, Tun Sharifah Rodziah. Saya menyokong. (*Tepok*).

Dato' Athi Nahappan: Dato President, Sir, saya minta izin beruchap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh chakap bahasa Melayu?

Dato' Athi Nahappan: Saya fikir saya belum faseh dalam

Tuan Yang di-Pertua: Chuba-lah sedikit², lepas itu berchakap Bahasa Inggeris. Sapatah dua chakap bahasa Melayu, lepas itu boleh chakap bahasa Inggeris.

Dato' Athi Nahappan: Mr President, Sir, I think I will try next time (*Ketawa*) with some preparations and organisation of my thoughts.

Tuan Yang di-Pertua: Baik-lah.

Dato' Athi Nahappan: Dato' President, Sir, I have just now listened to the speech of Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie. He has had a very unique opportunity of being very close to our beloved Tunku and he just now gave us a good insight of the man, Tunku, and the leader, Tunku, and I would say Tunku is a man of destiny in so far as our country is concerned. I think there are very few Prime Ministers in this world who have the stature and the wisdom of Tunku. He came into politics with the greatest of humility and, perhaps, with some diffidence but he knew that the moment had come, he knew that he had to come forward and serve his country and he came in and he was the architect of the freedom of our country and he also was the architect of the emergence of Malaysia, and he had the personality that was most needed during this early formative period of a young nation such as ours.

Tunku is not a great speaker; he is not a great politician. I would say he is more of a statesman than a politician. There are leaders who come under three categories: some leaders are feared; other leaders are respected; others are loved. But, in so far as the Tunku is concerned, I do not think anybody in this country feared him at all; not merely here but even outside this country many loved him and many respected him. There are leaders who can be admired from a distance because you do not see their personalities in complete conspectus or perspective. The nearer you get, the closer view you get of them, then you see their strength and weakness and you begin to like or dislike because they are so close. Now, Tunku is a man the nearer you got to him the greater you began to like him, the greater you began to love him because of his radiance, because of his sincere personality, because of the man that he has always been. This is something that is very great and you come across men of Tunku's calibre only when history dictates and when destiny calls.

One of the greatest qualities of Tunku is the ability to laugh at himself and many people wondered how he could do that

especially in the position he was in. He was always himself and he was never pretentious. He always spoke his mind and spoke fearlessly. He was incapable of hate but he had an abundance of love and he had one remarkable quality and that was the love for children and babies. If a man can love children and babies he is great because that is the basis of a tremendous fountain of love inside and he was humane, he was warm and wherever he went he immediately made you feel at home; even though he is a prince, he makes you feel at home.

Sir, during his time he has been a very fearless leader. In fact, he had his bagful of problems as a leader and he faced them with equanimity and with courage and in that he was never second to any other leader in this period or in any period. When he came into power, he had the communist trouble which we were facing and he had to solve it and it took a long time to solve it, and he had his own style of solving it; without much dramatics but with grim determination he faced the problem and brought an end to that struggle and he showed tremendous fearlessness. Again, after the birth of Malaysia, he had to show his fearlessness in confronting a very big country nearby and in confronting a leader who was a demagogue at that time and he showed again that when stirred, when challenged, he was not a leader to retract and he was a leader to face and fight. During the Emergency when he was unreasonably criticised, he had to stand up and defend his philosophy and defend his attitude to his life and what he considered necessary for this country. This was something that was very great in the man as a leader and the greatest of all was, of course, when he decided to retire from politics. He chose the time. He was not prepared to be dictated. He chose the time and he left very gracefully and, I think, in a manner unparalleled. There are leaders and leaders in this world; there are Ministers and Ministers. It has been said we know how we were born but nobody knows how we are going to die. Today they are Ministers; tomorrow they are not Ministers. Today they are leaders; tomorrow they are not leaders, and one does not know how one ends up as a leader or in any other capacity. Many great leaders have been disgraced, dethroned and even assassinated, some most unreasonably, unjustifiably, brutally and without any sense of decency. This is the kind of world that we are facing. During this time

for a leader to come in and to go through the exit is history, is a great drama, and we saw Tunku coming in, as I said, with humility and he went out most gracefully and he went out from the domain of power to the domain of love and today everyone in this country, including his lieutenants and the nation as a whole, has nothing but love for this great leader of ours; and for this country of multi-racial society when this injection of love was important, this harmony was important, this understanding was important, we certainly could not have had a better leader than Tunku and I think God was great in letting us have the leader that Tunku was and is.

So it is only proper that this House today should pay its homage for the unparalleled service he has rendered as a statesman and as the Father of the Nation so that he will always remain as a most inspiring figure, not merely during his lifetime, but for generations to come. As Tan Sri Ghazali Shafie said, he is the Washington of Malaysia and he will remain the Washington of Malaysia, not merely in pictures and in buildings but, I am sure, he will remain in the hearts of the people for generations to come (*Tepok*).

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Mr President, Sir, may I speak in English because to speak in terms that you feel, the emotion you wish to express, could not be expressed in a language that you do not understand very much.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat itu hendak berchakap dalam bahasa Inggeris? Saya dapat mengeluarkan perasaan sa-penoh-nya. Boleh.

Dato' Dr Cheah Toon Lok: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I wish to support this Motion to record appreciation of service of the Tunku. I thought I will keep quiet a bit because I want to elaborate on Tunku and the Yang di-Pertuan Agong in my speech on the Motion of Thanks to His Majesty. But, I am provoked to say something because the Honourable Dato' Athi Nahappan has stated a few things which I do not think are fair to Tunku. I have known Tunku for a long time. I have known his father; his mother. I have given medicine to his father, to his mother, to his wife, to himself, to his children and to his grandchildren. But one word that provoked me was; he said, in

terms like this, the Tunku—in our consideration—is not a great politician. Now, I do not agree with him on that. If Tunku is not a great politician, how come today we are a free people: we have got independence.

Dato' Athi Nahappan: (*bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: (*Kapada Dato' Dr Cheah Toon Lok*) Are you giving way?

Dato' Athi Nahappan: May I be allowed to clarify, Sir? I said he is more than a politician; he is a statesman. A statesman is higher than a politician (*Tepok*). My Honourable friend, the doctor has not understood the subtle difference between the meaning of politician and statesman.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat itu telah terangkan. (*Kapada Dr Cheah Toon Lok*) Dudok dahulu. Ahli Yang Berhormat Dato' Athi Nahappan telah terangkan ia-itu sa-orang statesman itu adalah lebeh tinggi daripada politician dan dia termasuk politician juga.

Dr Cheah Toon Lok: Mr President, Sir, I understand semantics; I studied it. He is more a politician than a statesman; not only a statesman but a politician also. (*Ketawa*) That is where the difference has arisen. But, he stated a few things, he talked about love, about Tunku and so on—he was rambling; not about Tunku but about other things besides too.

Now I ask myself this question: Has Malaysia done enough for Tunku? In the Lower House I heard an Opposition leader contesting the remuneration that we wanted to give to Tunku. I do not think money, in consideration, can be weighed in terms of what he has done for the country. Can you weigh the spirit, the sacrifices that one makes in balance to the gold, the silver, the diamonds that you put on the other side? Can you weigh it? You can't. Because one is tangible; the other is intangible. So I say, have you done enough for Tunku? Are you going to set a day aside in Malaysia to remember Tunku? You have not done it, although you spoke a lot in the Lower House. Tun Abdul Razak at Lusaka said, "Words will not change the world; only deeds could change it". So, I think you must think Tunku in terms of many aspects—as a man, as a politician, as a statesman, as a

family man, as a sportsman, as a friend—you must know him, you must be with him all the while to know of this, but lots of people do not know him because they are not so closely in contact with him. Tunku is a man who never forgets a friend. He has gone out of his way to do everything for a person in distress. He will put his money, give everything to get a person right and I think, and I believe it, we have not done enough for Tunku and I hope one day we will form a committee to consider in what way we could commemorate the things that Tunku has done for this country and to remember him as one who has brought us from colonial tutelage or maybe servitude to our present position of freedom and independence. Mr President, Sir, freedom, independence and liberty is not for us alone but for our children and children's children; that is the thing they must remember.

I wish to associate myself with this Motion, but I will elaborate on this later in my speech on the Motion of Thanks to the Yang di-Pertuan Agong. Thank you, Sir.

Tan Sri T. H. Tan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan yang penoh atas usul yang telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof. Saya tidak fikir Ahli² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat boleh membayar hutang budi pada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di-atas perkhidmatan-nya untuk negara dan ra'ayat Malaysia.

Sa-bagai orang kecil yang telah bekerja sama dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sa-lama lebeh kurang 20 tahun dan pun sa-bagai Setiausaha rombongan ka-London dalam pimpinan Tunku pada tahun 1953 saya tahu lebeh pada lain² orang seksa Tunku dari tahun 1951 apabila Tunku menjadi Ketua Agong UMNO sehingga tahun 1970 apabila Tunku meletakkan jawatan Perdana Menteri. Saya rasa sangat menyesal apabila saya mendengar suatu wakil Parti Pembangkang berchakap dalam Dewan Ra'ayat bahawa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah terima bayaran daripada M.C.A. Ini-lah satu penganiayaan yang besar.

Sa-bagai Ketua Setiausaha M.C.A. pada suatu masa yang lalu dan sa-bagai Setiausaha Agong Parti Perikatan pada hari di-tubuhkan parti itu sampai sekarang, saya berani ber-

sumpah tidak pernah Tunku Abdul Rahman terima satu sen daripada Parti M.C.A.

Saya maseh ingat, Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun dahulu apabila Tunku menyuruh saya menjualkan beberapa petak² rumah-nya di-Pulau Pinang supaya Tunku dapat menjalankan kerja² politik. Saya pun maseh ingat lagi M.C.A. tidak mahu membeli satu petak rumah Tunku di-Pulau Pinang oleh kerana harga-nya M.C.A. fikir sangat tinggi dan saya ingat lagi bagaimana Tunku bekerja daripada pagi sa-hingga siang, dari siang sa-hingga pagi dan berbinchang dengan Kerajaan penjajahan British di-London untuk mendapat kemerdekaan. Saya maseh ingat pun pada masa itu rombongan di-bawah pimpinan Tunku terpaksa berjalan kaki dari Richmond ka-Westminster tiap² hari untuk berunding dengan wakil² Parlimen British oleh kerana rombongan Tunku tidak chukup wang belanja. Ada pun suatu masa apabila Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan saya chuma chukup membeli sa-ekor ayam rebus dan beberapa keping roti untuk makan malam kita.

Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kita sekarang pada masa itu ra'ayat Malaya kenal beliau sa-bagai Dato' Abdul Razak pun merasa seksa Tunku apabila Tun tiba di-London dari Amerika mengambil bahagian dalam rombongan merdeka yang pertama. Lebeh daripada lain² orang saya tahu dan saya berani beruchap, tidak ada satu Perdana Menteri di-seluruh dunia yang miskin saperti Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Al-Haj. Sebab ini sangat² sakit hati saya apabila saya mendengar ucapan Parti Pembangkang dari Parti Gerakan di-Dewan Ra'ayat menentang bayaran gratuity ini pada Tunku. Wakil itu berkata bayaran itu terlebeh banyak. Sa-benar-nya bayaran itu chuma sa-bahagian sahaja sangat kecil, apabila ra'ayat Malaysia teringat harta² yang Tunku Abdul Rahman telah jual untuk jalankan kerja untuk mendapat kemerdekaan. Saya tidak fikir ada di-Malaysia satu orang yang bagitu tidak ada berterima kaseh saperti wakil ra'ayat Gerakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat Malaysia semua tahu Tunku sa-orang anak Raja dan Tunku letak jawatan D.P.P., menjadi Ketua Agong UMNO. Saya perchaya ra'ayat Malaysia pun tahu tidak perlu Tunku merasa seksa yang saya sebut, jikalau Tunku tidak kasehan kapada ra'ayat negeri kita ka-atas

kedudukan yang di-bawah penjajahan British, sudah tentu Tunku akan menjadi Hakim Besar di-bawah Kerajaan Jajahan British, jika Tunku tidak setuju menjadi Ketua Agong UMNO.

Saya cheritakan dengan panjang dan lebar sa-bagai ini supaya ra'ayat Malaysia terutama sa-bagai ra'ayat yang maseh bersekolah apabila Tunku bersetuju menjadi Ketua Agong UMNO dan bersetuju terima tanggung-jawab yang sangat berat boleh tahu apa-lah hutang budi ra'ayat Malaysia kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Al-Haj.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sebut satu pantun Melayu ia-itu:

Pisang emas di-bawa belayar,
Masak sa-biji di-atas peti,
Hutang emas boleh di-bayar,
Hutang budi di-bawa mati. (*Tepok*).

Saperti bagitu-lah saya hargakan hutang² ra'ayat Malaysia kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman. Macham mana pun ra'ayat buat untok bayarkan hutang itu mereka tidak dapat bayar dengan sa-penohnya pada sa-orang anak Malaysia yang kita semua mengaku melantek menjadi Bapa Malaysia. Sa-lepas mendapat kemerdekaan untok ra'ayat Malaysia dan sa-lepas Kejayaan Kerja itu Tunku sekarang telah menjadi Setiausaha Agong Secretariat Islam.

Satu lagi tanggung-jawab yang sangat berat. Ugama Islam ia-lah Ugama Rasmi negeri kita. Dan oleh sebab ini boleh-nya saya kata di-sini, Tunku akan lagi mengambil bahagian, mengambil keadaan² baik ra'ayat Malaysia dari segi ugama.

Tuan Yang di-Pertua, do'a-lah Ahli² Dewan ini kapada Tuhan untok panjangkan usia Tunku dan isteri-nya dan melahirkan harapan kita, ia-itu Yang Teramat Tunku dan Tun Sharifah Rodziah terus menikmati kesentosaan hidup dalam usia-nya.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, tamatkan ucapan saya dengan Hidup Tunku! Hidup Tun Sharifah Rodziah! (*Tepok*).

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama² dengan rakan² saya untok menguchapkan tahniah kapada Tunku ia-itu Bapa Malaysia kita. Saya tidak berapa rapat dengan Tunku, tidak bekerja dengan Tunku, chuma mengikuti di-belakang Tunku sa-chara jauh, tetapi saya rasa berlesihan di-antara dua rakan kita tadi

menengai kebijaksanaan Tunku dalam politik ini, saya rasa satu sahaja Tunku ini ada-lah sa-orang pemimpin yang jujur, hendak kata dia politician-kah, statesman-kah, itu masing² punya istilah-lah, tetapi pendapat saya, ia sa-orang manusia yang jujur dan langkah² politik-nya dengan tidak payah di-buat perhitungangan, tidak ada kira², tidak ada calculation, dia tidor, dia fikir, dia dapat satu ilham, dia buat. Ini chara langkahan Tunku. Jadi hendak kata dia politician-kah, statesman-kah, saya tidak tahu, tetapi masa dia hendak buat Malaysia, sudah tetap hari hendak buat Malaysia. Tunku kata nanti dahulu, dia pergi ka-Jeddah, pergi ka-Mekah, dia balek, tidak boleh, kita kena tangguh. Tangguh beberapa hari sahaja Malaysia sudah di-tuboh hari lain pula. Jadi dia punya chara berfikir itu macham ada ilham, macham dia terima satu ilham, dia hendak buat satu benda itu. Bagaimana hal Singapura umpama-nya, dia rehat sadikit di-London, dia kira buang Singapura, dia kata Singapura ini kita kena asingkan, beri Singapura merdeka. Panggil Lee Kuan Yew, beri merdeka Singapura. Jadi kapada sa-tengah pemimpin barangkali dia kena buat calculation, kira berbulan², bertahun² research kena buat perhetongan, tetapi dia punya perhetongan-nya masa dia tidor, dia sakit pun dia hetong. Jadi, ini-lah jenis chorak pimpinan Tunku yang saya tahu. Dan saya rasa kejayaan Tunku dalam memimpin Malaysia, dalam menyatu-padukan ra'ayat, dalam bertindak, saya rasa satu sahaja kerana jujur. Orang kalah kerana dia jujur. Indonesia serang kita dalam konfrantasi, semua orang kata fasal apa kita tidak serang-balas, fasal apa kita tidak boleh bangkit, Tunku kata nanti dahulu, sabar-lah jangan gaduh, Tunku kata. Jadi, Tunku punya chara bertindak, tidak apa, kita bukan bergaduh dengan ra'ayat Indonesia. Sekarang kita terima dia, kita beri telor, makan, kita hantar dia balek, kita beri dia hadiah. Akhir²-nya orang yang menentang Tunku pada masa itu sendiri turun, di-turunkan oleh ra'ayat yang chintakan kapada keamanan. Ini chara Tunku bertindak.

Satu lagi perkara saya rasa hari ini patut kita berchakap kerana banyak orang sedar ia-itu orang kata Tunku ini lembut. Orang yang lembut sangat tolak ansor, tolak lagi, ansor. Jadi kalau kita dengar parti Pembangkang berchakap Tunku ini habis lembut manusia. Yang selalu sahaja menentang Tunku ia-lah Parti PAS, dia punya hentam Tunku ini habis². Saya ingat lagi bila saya

berchakap berkenaan dengan Tunku, saya berani berkata Tunku ini manusia yang keras. Orang yang paling keras dalam membuat satu² keputusan, tetapi sa-belum daripada membuat keputusan dia tidak-lah begitu keras, tetapi bila menghadapi satu² masalah yang mesti dia buat, dia buat, tidak boleh di-pusing²kan lagi, susah orang hendak pusing. Kalau dia kata Singapura kita beri kemerdekaan, biar Singapura asing dengan Malaysia—tetap. Tunku kata Parlimen bersidang dalam masa dua tahun lagi, tetapi bersidang dalam masa dua tahun. Apa yang Tunku punya kenyataan itu tegas, tepat, kena dengan masa-nya.

Ini pendapat saya sebagai sa-orang dudok jauh mengikuti di-belakang. Saya rasa orang yang hampir dengan Tunku macham Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie, macham Dato' Cheah kita, Menteri² yang rapat dengan Tunku tentu mengenali Tunku lebeh lagi daripada saya. Saya chuma bache dalam akhbar, sa-kali² meshuarat dengan Tunku. Jadi kalau kita dengar dia punya chakap itu lembut. Tetapi apa yang dia hendak itu dapat. Itu chara Tunku punya kira. Jadi ada sa-tengah orang keras, yang dia hendak tidak dapat, kerana terlampau keras. Sunggoh pun dia lembut, apa yang dia hendak, dapat. Apa sa-tengah pemimpin keras, tetapi yang dia hendak tidak dapat. Ini ada-lah chara berlainan manusia punya chara approach, chara berunding, dan chara berkira.

Itu-lah saya memberi satu tahniah yang tinggi kepada Tunku kerana dalam masa Tunku memimpin kita, boleh di-katakan Bapa Malaysia ini, kita telah dapat perpaduan, chuma-nya apabila datang 13 Mei itu menyentoh pimpinan-nya dengan sangat berat sa-kali dan banyak tuduhan yang di-datangkan kepada Tunku, tetapi Tunku tidak menggunakan kuasa untuk menangkap, menghentam pehak yang mana menentang Tunku. Tunku buat macham mana? Dia karang buku, itu dia punya kelebihan. Dia menentang orang yang menentang dia itu dengan buku, dengan tulisan. Bagaimana dia menentang British dahulu dengan tulisan. Dia menentang orang yang menentang dia lepas 13 Mei itu dengan tulisan. Dia karang sa-buah buku. Orang bache buku itu, ada orang menangis. Ini kelebihan dia. Dia lawan musuh dia dengan menulis, dengan mengarang. Bagitu-lah kalau sa-kira-nya saya maseh ingat lagi Tunku ini, dia ta' kata satu benda yang dia fikir benda itu tidak jadi.

Saya ingat lagi sa-masa pilehanraya di-Perlis. Dia kata kalau sa-kira-nya orang Melayu ini terancham, maka akan mengalir darah di-bumi Malaysia. 13 Mei jadi, betul benda itu berlaku. Macham dia tahu benda itu hendak jadi. Jadi, itu-lah sa-orang yang tua, yang sangat tinggi mutu pemikiran dan chara bertindak. Jadi, saya rasa beliau berhenti daripada Perdana Menteri ini satu kehilangan kepada umat Malaysia kita, tetapi Tunku ini dia jangka panjang, dia sudah meletakkan harapan amanat dia kepada Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, sa-hingga dia istihar perkataan² yang menyokong Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak sa-bagai bakal Perdana Menteri, future Prime Minister. Boleh di-katakan seluroh dunia ketahuí imej Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak itu naik chepat begitu sa-kali dengan pimpinan Tunku sa-hingga bila Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak ambil aleh sa-bagai Perdana Menteri, kita terasa macham tidak ada satu benda yang chachat. Kita boleh terima dan ra'ayat Malaysia menerima Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak sa-bagai sa-olah macham Tunku juga, pemimpinan sa-bagai Perdana Menteri Malaysia ini. Ini kelebihan-nya.

Satu lagi kelebihan Tunku yang saya nampak, kalau sa-tengah² pemimpin itu ada juga orang lain benchi, orang ini berkenan dalam beberapa bab. Saya pergi bersama² dengan satu Rombongan Meshuarat CPA di-Australia. Di-dalam satu group perjumpaan makan, wakil Malaysia, dua tiga orang bersakali dengan saya, sa-orang perempuan Yahudi bersama dengan saya dalam perjumpaan malam itu, perempuan Yahudi itu bertanya kepada sa-orang wakil Malaysia, "Awak datang daripada mana?" Kata wakil daripada Malaysia itu, "Saya datang daripada Malaysia." Kata perempuan Yahudi itu, "Oh! Ini Islam. Ini anti-Yahudi, ini anti-Israel," Kata dia, "Awak ini Kerajaan yang anti-Israel. Awak Islam?" Saya senyap-lah. Saya kata, "Bukan. Ini bukan anti-Yahudi, chakap² begitu." Tetapi dia berpaling kepada saya. Dia kata, "Sekarang siapa Perdana Menteri." Saya kata, "Tun Abdul Razak, baharu naik Perdana Menteri. Dahulu Tunku Abdul Rahman." Dia kata aku setuju Tunku Abdul Rahman. "Tunku Abdul Rahman real statesman," kata dia. Saya kata, "Tadi kata orang Malaysia ini anti-Yahudi, ini Tunku Abdul Rahman real statesman pula."

Jadi, rupa-nya Tunku itu dia boleh terima. Jadi, walau pun Tunku itu orang Islam, Yahudi pun sanggup terima. Tunku dan Malaysia sa-olah² lain pula. Ini-lah pada imej-nya di-luar negeri, mereka pandang chukop-lah tinggi. Saya rasa ketinggalan-lah kalau saya tidak bersama² dengan Menteri kita di-sini dan rakan² kita di-sini meletakkan pujian dan tahniah kepada Tunku dalam masa usul ini di-bentangkan kepada Dewan ini. Sekian, terima kaseh.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong suatu chadangan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara dalam Dewan ini ia-itu untuk merekamkan penghormatan dan penghargaan di-atas jasa² Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Hajj.

Saya merasa saya akan di-kesali oleh kaum² wanita di-negeri ini kalau-lah saya tidak mengambil kesempatan untuk meng-ucapkan sa-patah dua kata dalam Dewan ini bagi menyatakan penghargaan pehak kaum wanita di-negeri ini kepada jasa² Tunku dari segi menolong kaum wanita dan begitu juga memberi perangsang untuk memajukan kaum wanita di-negeri ini. Sejarah kebangkitkan kaum wanita di-negeri ini akan menchatetkan beliau ini-lah sa-orang pemimpin yang sangat bertimbang rasa. Beliau ini-lah sa-orang pemimpin yang telah memberikan tempat kepada kaum wanita dan begitu juga memberikan hak² mereka dalam bidang politik dan dalam bidang ekonomi.

Dalam bidang politik yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah kita melihat semenjak tertuboh-nya pergerakan politik di-negara kita ini, maka beliau-lah salah sa-orang yang sentiasa memberikan perangsang dan galakan supaya kaum wanita turut mencheborkan diri dalam politik. Bukan-lah sa-takat untuk mencheborkan diri, tetapi kaum wanita juga di-beri peluang. Dengan ada-nya kaum wanita di-beri bertanding dalam pilihanraya²-nya di-masa yang lalu dan pada tahun 1955, sejarah negara ini telah menchatetkan bahawa Parli-men juga telah di-dudoki oleh sa-orang Wakil Ra'ayat wanita yang pertama ia-itu Puan Halimatun binti Abdul Majid.

Sa-sudah itu, lepas satu pileharaya, satu pilehanraya maka tidak-lah sunyi kita akan dapat melihat kaum wanita dudok dalam Dewan Ra'ayat. Kemudian pada tahun 1962

timbul lagi satu perubahan dalam sejarah negara kita ini, ia-itu bagi pertama kali Dewan Negara ini memberikan tempat pada sa-orang wanita dudok di-dalam-nya, ia-lah saya sendiri. Maka di-atas ini-lah saya per-chaya sa-patut²-nya pehak saya-lah merakamkan dan melafadzkan sa-tinggi² terima kaseh, menjunjong segala jasa² yang telah di-berikan oleh Tunku dari segi memberikan galakan kepada kaum wanita di-dalam bidang politik. Maka pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai yang pertama kali dalam sejarah sa-lepas pilehanraya tahun 1969, negara kita telah melihat pula sa-orang wanita dudok dalam Kabinet. Ini lagi satu kejayaan yang telah di-perolehi oleh kaum wanita dalam bidang politik.

Dalam bidang ekonomi pula, maka pehak Tunku telah tidak lagi bertangguh² kerana telah lama di-desak dalam proses yang begitu panjang, maka Tunku telah mahu mengikut-kan atau pun juga mematohi kehendak² kaum wanita di-negeri ini, ia-itu memberikan gaji yang sama kepada kerja yang sama, walau pun pada hari ini di-satengah² baha-gian hanya di-persetujui pada dasar-nya, tetapi ini ada-lah satu kejayaan ekonomi bagi perjuangan kaum wanita seluroh-nya di-negara kita ini.

Jadi, oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah sa-takat itu sahaja. Dengan ada-nya usaha Yang Teramat Mulia Tunku menubuhkan satu Majlis Hal Ehwal Ugama Islam di-Peringkat Kebangsaan, maka ini-lah satu saluran yang dapat di-buat oleh kaum wanita. Ini-lah satu saluran yang dapat di-gunakan oleh Pergerakan Kaum Ibu UMNO untuk menyalorkan segala usul² supaya dapat-lah kira-nya di-pertimbangkan di-peringkat Federal, kalau sa-kira-nya kami gagal bagi mendapatkan sokongan di-peringkat State. Jadi kerana itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, satu usul daripada Pergerakan Kaum Ibu UMNO yang telah mendapat kejayaan di-dalam Majlis Hal Ehwal Ugama Islam ini ia-lah tentang ada-nya merayakan Hari Raya mengikut kiraan hisab.

Ini ada-lah satu kejayaan, ini ada-lah satu pertolongan kerana di-masa dahulu tidak-lah dapat di-tentukan Hari Raya itu bila akan jatoh-nya, hari ini-kah, besok-kah, lusa-kah. Ini ada-lah satu pertolongan yang besar kepada umat Islam di-negara ini terutama kaum wanita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-sa'at kita merakamkan segala penghargaan² kepada jasa Tunku, maka pehak diri saya dan saya berani-lah mengatakan bagi pehak kaum wanita di-Malaysia ini merakamkan, menjunjung kaseh, melafadzkan sa-tinggi² terima kaseh dan bagitu juga sa-tinggi penghargaan kepada jasa² yang telah di-buat oleh Tunku terhadap kaum wanita di-negara ini. Terima kaseh. (*Tepok*).

Dato' Pengiran Mohd. Digadong Galpam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini menyokong sa-bagaimana yang di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat tadi yang telah menerangkan satu persatu, dan saya menyokong penoh atas chadangan yang di-bawa oleh Peguam Negara tadi dan di-sokong oleh Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan ia-itu Tan Sri Ghazali Shafie.

Saya bangun di-sini sa-benar-nya saya tidak tahu menahu macham mana kebaikan atau kejahatan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, tetapi chuma satu yang saya tahu, Persekutuan Tanah Melayu sa-bagaimana yang kami orang² di-Sabah atau pun di-Sarawak hanya dapat tahu atau dengar khabar-nya yang mahukan kemerdekaan, tetapi sa-benar-nya itu semua saya tidak tahu, hanya yang saya tahu kebijaksanaan-nya atau pun daulat-nya Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj itu berturunan Raja yang mana di-sebut Malaysia ini, saya fikir, bukan hanya di-dalam Malaysia, tetapi meliputi seluroh dunia ini yang kenal Tunku Abdul Rahman ini yang memang bijak dan pandai saperti kata Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Senator Aisah Ghani tadi berkenaan dengan kebolehan atau pun kepandaian Tunku Abdul Rahman.

Ini sa-benar-nya tidak ada sa-orang pun yang boleh menerangkan macham mana pandai atau pun macham mana bijak-nya, tetapi ini-lah yang saya puas hati, saya rasa, ini satu bukti yang mana Tunku Abdul Rahman sa-lama memimpin Persekutuan Tanah Melayu ini dia dapat menubuhkan satu Malaysia.

Saya fikir, ini satu sahaja yang paling besar, yang paling di-ingati oleh seluroh dunia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak berchakap lebeh panjang di-sini, tetapi mana satu tempat yang saya merantau hingga ka-Mekah, atau pun Karachi, bila sebut nama Tunku Abdul Rahman, orang

semua puji. Ini orang baik, kata-nya dia bilang ini orang yang memang yang menjadi ketua yang besar dalam Malaysia, tetapi dengan kudrat Tuhan dan berkat semua Menteri², juga Ahli² Parlimen, Yang Berhormat² Dewan Negara, atau pun Dewan Ra'ayat—ini saya tidak lupa, saya ucapkan terima kaseh dan saya ucapkan tahniah kepada Tunku Abdul Rahman yang telah memegang jawatan lain, atau pun barangkali sudah di-fikirkan oleh rakan²-nya dia sudah tua, patut-lah juga dia berehat, dan saya mengucapkan terima kaseh dan tahniah yang sa-tinggi² yang mana juga kita dapat sa-orang Perdana Menteri yang muda dan chergas ia-itu Tun Haji Abdul Razak bagi menggantikan Perdana Menteri kita Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Saya berdo'a kepada Tuhan yang maha asa dan yang berkuasa kepada umat manusia di-seluroh dunia ini, mudah²an pemimpin kita ini sa-sunggohnya Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sa-telah berhenti atau pun meletakkan jawatan-nya juga, saya berdo'a kepada Tuhan yang maha kuasa mudah²an Tunku Abdul Rahman itu di-panjangkan umur-nya dalam dunia ini untok melihat dan memandang keadaan kita dalam Malaysia. Dan juga saya harap mudah²an Perdana Menteri kita yang baharu dan Menteri² kita yang baharu juga dapat maju lebeh daripada yang mana di-pimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, sebab ini ada-lah satu chontoh yang mana apabila menchapai kemerdekaan tentu ada peperangan, atau pun pertumpahan darah, tetapi dengan berkat dan kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman Putra, apabila Malaysia di-tubuhkan tidak ada satu titek darah tertumpah di-negara Malaysia. Jadi, ini pada pendapat saya yang menjadi satu sejarah yang besar dalam Malaysia atau pun di-seluroh dunia.

Sa-lain daripada itu, sa-belum saya mengundorkan diri daripada tempat saya dudok ini, saya minta ma'af-lah kepada semua Ahli² Yang Berhormat, terutama sa-kali kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Sekian, terima kaseh.

Tuan Lim Hee Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penoh² usul ini. Saya hendak berchakap dua tiga patah berkenaan dengan usul ini. Dalam tempoh saya kenal dengan Tunku hingga sekarang, saya kenal dengan beliau bukan dalam politik, saya sa-orang peniaga. Sa-masa Tunku menjadi President Sessions Court,

Legal Adviser, dia selalu tinggal di-tempat saya—saya ada dua tempat hotel di-Kuala Lumpur. Jadi waktu itu Tan Sri T. H. Tan dia tinggal di-tempat saya, Tunku juga selalu melawat di-sana. Bila dia melawat Kuala Lumpur, saya tidak ambil peduli berkenaan dengan politik, tetapi Tunku dengan Tan Sri T. H. Tan selalu nasehatkan sama saya: Hee Hong, jangan kerja kuat sangat, jangan mahu kumpul wang, awak mesti ingat, wang boleh di-kumpul, tetapi politik lebeh lagi kuat. At a stroke of the pen, awak punya harta semua habis. Jadi tiap² malam saya tidor, saya fikir, bukan sa-kali dia bilang sama saya tetapi banyak kali. Jadi, saya fikir ini patut juga, fasal itu, saya minta Tan Sri T. H. Tan macham mana saya boleh masuk politik, jadi dia chari jalan. Fasal itu jadi-nya sekarang ini saya terhutang kepada Tan Sri T. H. Tan dan Tunku yang saya dapat tempat dudok di-kerusi di-sini (*Ketawa*). Kalau tidak, saya ta' ada di-sini. Chuma saya jaga di-hotel saya berkenaan dengan minuman, menjaga tuan² dan lain² lagi yang tuan² akan datang ka-kedai saya, tetapi saya tidak regret kerana masuk politik ini.

Saya ingat sa-masa pilehan raya tahun 1955 bilek T. H. Tan, Tunku dan saya mendengar dari siaran Radio Malaya sampai lebeh kurang pukul 5.00 baharu habis, kira² sampai 54 kerusi menang, satu kalah. Masa itu Tan Sri T. H. Tan memberi tahu saya Tunku baharu tidor. Jadi, Dato' Athi Nahappan kata dia kalau dekat dengan Tunku selalu dia suka—saya tidak, Dato' Yang di-Pertua, sebab apabila saya berjumpa dia di-sana, saya pergi jauh, saya tidak tahu pergi dekat² dengan dia. Bila dia mahu saya, dia panggil, dia suruh pergi rumah dia. Bila saya berjalan, dia ketepi. Dari sa-tahun ka-satahun Tunku selalu masuk melihat di-kedai saya, saya tengok tiap² hari 10, 20, 30 orang pergi kejar dia (*Ketawa*), kata-nya Tunku mana, mana Tunku—Tunku ada dalam bilek. Tetapi saya satu kali pun tidak masuk bilek-nya. Kalau dia mahu chari saya, dia chari saya. Saya tidak mahu chari dia. Saya fikir Yang Berhormat Tan Sri T. H. Tan tahu, sebab T. H. Tan banyak mengetahui hal-nya di-sana. Sebab dia tinggal di-sana. Kadang² dia datang ka-kedai saya. Jadi, saya chari kawan dia, fasal itu, Tunku, saya fikir rakan² saya dalam Dewan ini tahu apa² yang dia sudah buat. Ta' payah saya ulang lagi banyak², saya juga hendak ulangkan pantun:

“Hutang wang boleh di-bayar,
Hutang budi di-bawa mati.”

Jadi, sokongan kita kepada Tunku tidak-lah chukup besar. Terima kaseh.

Tuan Andrew Jika Landau: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong chadangan daripada Peguam Negara tadi, saya merakamkan perasaan kehormatan dan penghargaan yang sa-tinggi²-nya kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Al-Haj di-atas perkhidmatan-nya yang chemerlang dan pengorbanan-nya untuk negara dan ra'ayat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pertama kali saya berjumpa dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ia-lah di-dalam bulan Ogos tahun 1961, atau pun di-introdaksikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie. Masa itu kita di-Sarawak; dan saya mengambil peluang di-sini supaya memberi sa-tinggi² tahniah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, saya mengulang lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu dalam tahun 1960 penduduk² di-Sarawak sangat sebok menubuhkan parti² siasah, tujuan-nya supaya Sarawak dapat menchapaikan kemerdekaan dengan sa-chepat mungkin. Tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada masa itu penjajah ia-itu kolonilis di-Sarawak tidak perchayakan kepada ra'ayat di-Sarawak dapat memerintah sendiri. Jadi, pada satu masa ia-itu dalam bulan Mei, saya ingat dalam tahun 1961, timbul-nya satu “press release” daripada Yang Teramat Mulia Tunku berchadang menubuhkan satu persekutuan negara bahru, Melayu Raya ia-itu termasuk-lah Sarawak, Sabah dan Brunei. Penduduk² yang tinggal di-wilayah Ketiga² Borneo Utara tidak-lah menerima chadangan² yang di-perbuat oleh Yang Teramat Mulia Tunku itu, kerana ra'ayat² di-tiga² wilayah Borneo itu hendak menubuhkan Sarawak, Sabah dan Brunei menjadi satu; kurang lebeh macham Republic atau Loose Federation dan apabila timbul-nya sokongan daripada parti politik di-dalam mana saya sendiri masuk champor menyokong tujuan Tunku, maka timbul-lah perasaan daripada ra'ayat di-Sarawak mengatakan chadangan itu tidak sesuai dan tidak di-terima oleh ra'ayat jelata di-dalam Sarawak. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya sangat sukachita memberi tahniah dan terima kaseh yang sa-tinggi²-nya kepada Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie yang memberi satu masalah supaya saya dapat di-arahkan oleh mereka itu

berjumpa kepada kawan² saya dan ra'ayat jelata di-Sarawak membantu serta mendapat sokongan² oleh beberapa banyak ra'ayat² yang hendak menchapaikan kemerdekaan.

Apabila kami menjalankan tujuan itu timbul lagi satu malang, ia-itu pemerintah penjajah masa itu enggan sama sa-kali memberi peluang supaya kami mendapatkan kemerdekaan. Hanya di-tempoh penjajah itu selama 10 tahun dari pada tahun 1961. Jadi ra'ayat Sarawak tidak bersetuju pada masa itu menerima chadangan bagaimana chara Sarawak masuk dalam Malaysia kerana pada masa itu penduduk² di-Sarawak maseh lagi di-dalam jajahan colonial. Dengan yang demikian itu, maka banyak-lah ra'ayat Sarawak, dan dari negeri Sabah juga di-undang oleh Kerajaan pada masa itu Persekutuan Tanah Melayu supaya melawat Persekutuan Tanah Melayu, menengok bagaimana perkembangan luar bandar dan kemajuan di-dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Kemudian daripada itu beberapa bagi rombongan² daripada Sarawak di-jemput daripada semua gulongan daripada kaum masharakat untuk melawat di-Persekutuan Tanah Melayu, maka apabila mereka itu balek ka-Sarawak telah pun memberi penerangan² dengan sa-chukup-nya, supaya menarek hati ra'ayat dari Sarawak dapat chepat menchapaikan kemerdekaan menerusi Malaysia.

Dengan sumbangan, tujuan dan perjumpaan ra'ayat jelata dari Sarawak maka timbul-lah bijaksana-nya Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman menubuhkan tanah ayer yang baharu, ia-itu Malaysia. Jikalau tidak kerana Y.T.M. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri, Persekutuan Tanah Melayu, pada tahun 1963 maka tidak-lah Sarawak menchapai kemerdekaan menerusi Malaysia sampai hari ini. Maka saya tidak-lah dapat, Tuan Yang di-Pertua, menghuraikan ucapan saya dengan panjang lebar, chuma saya berdo'a-lah supaya Tuhan melanjutkan usia Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj serta Tun Sharifah Rodziah.

Saya memandang mereka kedua² itu macham ibu dan bapa saya sendiri.

Tunku kadang² tidak melupakan muka sa-siapa sahaja. Yang saya sangat memberi pujian kepada beliau kerana pada suatu masa yang akhir sa-kali apabila Yang Teramat Mulia Tunku melawat di-Sarawak. Dia nam-

pak saya dari jauh, maka dia menyuroh-lah sa-orang kakitangan-nya yang dekat dengan dia itu memanggil saya, tetapi dia tersalah sangka, dia bertanya "baharu minggu dahulu saya jumpa awak di-Kota Bharu," jadi saya beritahu kepada Tunku barangkali salah pandangan Tunku. Boleh jadi barangkali macham Yang Berhormat Senator Amaluddin (*Ketawa*). Dia kata, "Betul juga, barangkali Andrew, saya salah pandangan". Jadi bagitu-lah Tunku, kadang² dia ada humour, tetapi humour dia ini sangat menarekkan hati dan tidak menyinggong perasaan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-kali lagi memberi sa-tinggi² tahniah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman. (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua: Majlis di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 4.40 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul dan memberi ucapan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Dan juga saya mendo'akan-lah kepada Tuhan yang maha kaya semoga di-lanjutkan usia beliau serta isteri-nya sa-lama²-nya supaya bukan sahaja beliau itu dapat lagi memimpin kita di-Malaysia ini bahkan juga beliau itu dapat memimpin seluruh umat Islam di-dunia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman ini, saya kenal dia lama, dekat 40 tahun dahulu dalam masa saya di-bangku sekolah lagi. Kalau berjumpa dia dan berchakap dengan-nya, dia kata: Budak Samad itu—sampai hari ini dia pandang saya ini budak. Jadi pandangan-nya kepada saya sa-bagai budak. Kerana apa, dia ingat sa-masa dia menjadi Pegawai Daerah di-Sungai Patani dahulu, saya maseh di-bangku sekolah lagi.

Pada petang-nya dia selalu suka bermain golf dan saya jadi caddy-nya. Saya bawa beg golf dia. Di-Sungai Patani pada masa

itu bayaran caddy pada satu round bagi 9 lubang, ia-lah lima belas sen, murah. Sekarang satu ringgit. Tetapi, selalu-nya dia bermain ta' chukup sampai 9 lubang. Sampai 4 lubang, dia jumpa orang lain, dia gave up. Dia kata Samad pergi hantar balek kayu. Dia kata, "Aku tidak mahu main lagi, sudah." Saya pun bawa-lah galas, saya hantar. Sa-patut-nya 4 lubang itu beri-lah 10 sen chukup tetapi dia beri 20 sen. Itu nampak-nya Tunku satu orang yang chukup murah hati, saya kata, satu orang yang murah hati dia tidak kira-lah tentang untong rugi. Dan juga saya teringat masa itu juga ada satu masa salah sa-orang daripada Orderly di-office dia masa itu dia menjadi D.O. dia juga menjadi Majistret, telah di-tangkap oleh Polis, Polis itu gunned dia tidak larat lari kena peluru di-kaki, tangkap—dapat. Bawa bichara, pergi bichara depan dia—pergi di-depan dia, dia kata, "awak ini saya kata jangan dudok main judi, awak main judi juga, aku denda awak \$5." Si-Umar ini dia pergi, "Tunku, patek tidak ada duit, boleh pinjamkan \$5." Minta pinjam dekat Dato' Hakim \$5, tetapi dia ini oleh kerana saya kata Tunku murah hati dia ambil \$5 keluar dari pokid, "Nah," kata dia, "Aku tidak beri pinjam kalau awak pinjam sampai bila awak tidak bayar, ambil aku bagi, awak pergi bayar fine \$5, jikalau tidak awak masok penjara." Bagitu sa-kali-nya sikap Tunku. Ada-kah satu orang macham Tunku, dia hukum dia bayar duit dia. Jadi oleh kerana itu-lah saya kata, jadi cerita Tunku ini banyak macham sangat-lah. Jadi siapa yang lama itu biasa, tahu-lah dia terlampau satu orang yang chukup baik-lah hati-nya dan chukup murah hati.

Tadi banyak juga orang berkata Tunku ini satu orang yang lemah-lembut. Kalau kita kenal dia dari jauh kita tengok betul Tunku ini nampak satu orang yang lemah-lembut, tolak ansor. Tetapi kalau macham siapa yang berpuloh² tahun sudah kenal dia mereka tahu-lah fasal Tunku ini sungguh pun pandangan kita di-luar ini lemah-lembut tetapi hati dia itu macham besi keras-nya. Saya tahu baik² macham besi. Kalau dia kata puteh, jangan kata hitam, puteh-lah dia tidak berganjak. Tetapi yang baik bagi Tunku itu dia tidak akan kata benda itu puteh, melainkan dia sudah tunjok proof kata betul benda itu puteh, baharu-lah dia tidak berganjak. Itu-lah satu tabi'at-nya kerana dia itu didalam hati dia chukup² dia degil kata chukup ketegah orang Melayu kata, kalau

dia kata yang itu, yang itu, tetapi sa-belum dia membuat apa² keputusan, dia fikir chukup panjang dan lebar dan dia tidak akan menyesal apa yang dia buat itu, kerana dia tahu baik² apa yang dia buat itu ia-lah betul sa-benar-nya. Kalau Tunku ini, bukan-lah kalau kita hendak banding bukan-lah sahaja kita boleh banding daripada orang di-Malaysia atau orang di-sabelah timor. Dia ini saya anggap boleh di-bandingkan seluroh dunia. Kalau kita baca sejarah (history) saya pun pandai juga-lah dalam sekolah dapat distinction fasal history ini, saya tidak pernah mendengar lagi satu orang Perdana Menteri yang dengan senang-lenang meletakkan jawatan. "Awak ambil Tun Razak jadi Perdana Menteri, aku tidak mahu." Tidak ada lagi dalam dunia ini yang orang membuat bagitu. Tunku kita buat bagitu. Jikalau satu orang yang boleh membuat bagitu, kita boleh nilaikan bagitu, bagaimana-kah orang itu jujur-nya. Itu-lah satu tanda² yang sangat² besar yang kejujoran Tunku itu sekarang ini, pada hari ini, bukan sahaja dipandang oleh kita di-sini, tetapi sa-rata dunia pandang pada Tunku ada-lah satu orang yang chukup² jujur. Apa salah, kalau dia hendak pergi lima tahun, enam tahun lagi, siapa pun tidak boleh buat apa, sebab kuasa kita. Tambahan sekarang ini kita, Perikatan 2/3 majoriti boleh pinda Undang², bagitu punya besar-nya. Kalau dia tidak mahu letak, tidak boleh buat apa², dia-lah juga jadi—dia letak jawatan.

Jadi oleh sebab itu, saya tidak mahu panjang-lebar lagi-lah, kalau saya berchakap panjang lebar Ahli Yang Berhormat kata awak ta' puji Tunku itu orang dia—bukan fasal itu. Saya puji-lah satu orang yang chukup bagus.

Saya teringat satu masa yang saya teringat yang patut saya cheritakan ini ia-lah pada masa perang Jepun itu, kita tahu baik², bila Jepun mari ka-Malaya kita ini, Kerajaan British sudah ambil Sultan Tua Al-Marhum Sultan Abdul Halim Shah ia-itu Dato' kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekarang ini, ia-itu bapa kapada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, di-bawa pergi hendak pergi ka-Tanjong, hendak bawa pergi ka-India—lari. Tunku Abdul Rahman masa itu dia menjadi D.O. di-Kulim, dia sekat di-tepi jalan. Dia sekat, dia tahan, mereka dengan eskot, chuma eskot militeri eskot tahun. Dia kata, "Bapa aku, aku kena ambil."

"Ini bapa aku, wajib bagi aku hendak membawa balek ka-Kulim." "Tidak boleh," kata orang puteh, "kami kena bawa pergi ka-India." Tunku kata, "apa" "Jepun berperang bukan dengan kami orang Melayu, bukan Sutan kami, berperang dengan orang puteh, sampai lawan dengan dia. Jangan tempoh kami punya orang, ini bapa aku, dia tidak boleh pergi." Dia tarek ambil bawa balek pergi ka-Kulim.

Siapa sa-orang yang berani bagitu masa itu dengan orang puteh, dengan militeri, tanks dengan apa semua apa. Bagitu sa-kali yang kata Tunku Abdul Rahman ini sa-orang yang saya kata hati dia chukup² keras. Maka dengan kerana itu sangat-lah sa-wajib-nya dan sa-baik-nya-lah pada hari ini bahawa Dewan kita ini dan juga Dewan ra'ayat telah membuat satu usul yang menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Tunku.

Saya rasa sangat² elok sa-bagai kata tadi Tan Sri Mohammad Ghazali Shafie tadi, ia-itu Tunku ini boleh di-bandingkan dengan George Washington daripada Malaysia. Terima kaseh.

Tuan Yahaya bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir tadi, kerana saya tidak-lah dapat memuji Tunku ini sa-bagaimana yang di-buat oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Samad Osman, dia tahu kerana tempat dia dekat, dia lebeh tahu daripada saya, tetapi walau bagaimana pun, saya bangun dalam Majlis ini menyatakan bahawa Tunku telah menchatetkan satu sejarah, sejarah yang mana saya fikirkan ia-lah menebus dosa datok nenek moyang kita dahulu negeri ini di-jajah oleh penjajah British dan tidak siapa yang melepaskan-nya untuk menchapaikan kemerdekaan ini ia-lah Tunku sendiri yang memimpin kita di-akhir² ini. Jadi ucapan tahniah ini, pehak saya, bukan-lah sahaja sa-takat tahniah sahaja bahkan saya bershukor kepada Tuhan kerana dapat sa-orang pemimpin yang boleh menebus kembali dosa² yang di-buat oleh orang yang dahulu. Ini apa yang saya katakan satu dosa ia-lah negeri ini di-jajah. Kita pernah di-jajah bukan sahaja kita bahkan nenek moyang kita, maka di-zaman Tunku-lah penjajahan ini keluar, dengan pimpinan Tunku-lah, kebijaksanaan Tunku-lah kita mendapat kemerdekaan, dan ada-nya saya juga pernah dudok dalam kedua² Dewan ini—Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara ini

ia-lah dengan ada-nya perundingan² negara dengan sebab itu saya menyokong sa-penoh²-nya ucapan yang patut di-buat kepada Tunku dan saya berdoa' kepada Tuhan sa-moga Tunku di-panjangkan umur dan mudah²an membuat jasa yang lebeh banyak lagi bukan sahaja kepada negara ini khas-nya bahkan seluroh dunia 'am-nya.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memanjangkan barangkali mungkin ada di-antara orang² kita yang ingin hendak menguchapkan, hendak melafadzkan sa-tinggi² tahniah kepada Tunku kita ini. Terima kaseh.

Dato' Y. T. Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bersama² Yang Berhormat Ahli² Dewan Negara lain menguchapkan ribuan terima kaseh dan ucapan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Malaysia, atas perkhidmatan yang chemerlang kepada Negara. Tunku telah mengalami masa yang sukar di-sini dan di-London ketika berjuang untok kemerdekaan dalam tahun² lima pulohan. Hari ini Malaysia ia-lah sa-buah negara yang merdeka dan ma'amor dan semua ini ada-lah kebanyakan-nya kerana kebijaksanaan Tunku dan kerja yang di-usahakan oleh Tunku dengan bantuan kawan² sa-kerja-nya yang ta'at setia. Sekarang Tunku telah bersara sa-bagai Perdana Menteri Malaysia. Saya bersama² dengan Yang Berhormat Ahli² Dewan Negara yang lain berdo'a sa-moga Tunku dalam sehat dan panjang umur yang patut di-berikan kapada-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukachita-nya menyokong penoh usul ini.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong usul yang di-bawa oleh Peguam Negara. Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan sadikit sa-banyak perkara² yang telah di-buat oleh Tunku barangkali ada sa-tengah² daripada Ahli² Dewan Negara di-sini tidak mendengar yang sa-benar-nya atau pun yang ada barangkali ada mempunyai fikiran lebeh pengetahuan lagi daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua, ia-itu satu peristiwa telah berlaku yang ahli² UMNO di-seluroh Malaysia tidak mahukan berchampur dengan M.C.A. Perkara itu di-meshuaratkan di-Butterworth. Jadi ada satu Dr Perceil nama-nya, yang hendak merundingkan perkara

persahabatan di-antara UMNO dengan M.C.A., kemudian orang UMNO tidak hendak tetapi bagaimana pun akhir-nya telah pun bergabung M.C.A. dengan UMNO.

Sa-lepas itu, Tuan Yang di-Pertua, Yang Teramat Mulia Tunku telah pergi ka-Singapura mengadakan pilehanraya di-sana. Apabila ia balek saya berjumpa dengan dia di-Station Hotel bertanyakan bagaimana keadaan pilehanraya di-Singapura. Jawab-nya tidak-lah begitu memuaskan hati-nya, kemudian saya sendiri pula, mengikut langkah dia memasoki M.I.C. kepada UMNO/M.C.A. ia-itu di-mulakan di-Sungei Siput berhadapan dengan Tun Sambanthan. Jadi, apabila ketiga² parti telah bersesuaian mengeluarkan fikiran masing² kemerdekaan pun tercapai, tetapi sa-belum lagi kemerdekaan itu berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ada perkara yang di-tulis oleh Tunku terhadap ra'ayat jelata di-dalam Malaysia ini ia-itu memberi kuasa yang penoh terhadap ra'ayat memilih Wakil² Ra'ayat di-seluruh tanah ayer kita ini. Itu kita tidak boleh nafikan. Ada-kah kita mimpi dapat yang kita boleh berbath di-sini jika tidak di-adakan oleh Tunku sendiri pemerentahan chara demokrasi.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pertolongan terhadap bangsa Melayu dari segi ekonomi. Saya suka menerangkan ia-itu pada tahun 1955 sa-masa itu Y.T.M. Tunku kita menjadi Ketua Menteri di-negeri ini. Saya bertanya bagaimana-kah chara-nya yang boleh kita menolong orang² Melayu dari segi ekonomi, dia kata chari-lah jalan dan saya akan beri sokongan. Saya beri pandangan kepada Tunku ia-itu di-Ibu Kota inilah patut di-tunjokkan tauladan yang mana orang² Melayu boleh mengambil tempat dari segi ekonomi ia-itu menubuhkan satu sharikat yang di-namakan Serijaya. Tunku jawab pergi-lah jumpa loyar dan hantar-lah dengan serta-merta permohonan itu, tetapi saya jawab kepada Tunku orang Melayu tidak berduit bagaimana kita hendak jumpa penguam². Jadi, dia kata tulis sahaja dan saya akan ada di-belakang. Itu-lah puncha yang mula sa-kali bagaimana orang Melayu ada duduk dari segi perniagaan di-dalam Ibu Kota ia-itu Serijaya.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, yang saya sendiri takut dan khawatir yang Tunku pergi untuk menemui seteru-nya ia-itu di-Baling berunding dengan Chin Peng bagaimana menyelesaikan dharurat. Ahli²

Yang Berhormat sendiri tahu macham mana Tunku telah menemui Chin Peng. Walhal pada masa itu orang Puteh telah bertahun² di-dalam dharurat tidak dapat menemui Chin Peng dan rakan²-nya, tetapi dengan senang sahaja Tunku dapat menemui-nya Chin Peng.

Jadi, perkara yang sa-macham itu patut-lah kita junjong terhadap Tunku kerana perkara itu boleh jadi merbahaya, tetapi Tunku dengan tegas tentang chakapan-nya dia tidak usek bahkan dia biarkan Chin Peng dan rakan²-nya pergi balek ka-hutan dan berlawan balek.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah kita fikirkan banyak lagi perkara² yang telah di-buat oleh Tunku. Satu daripada perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya maseh ingat ia-itu satu rombongan telah menemui saya ia-itu daripada Askar di-Raja yang memegang jawatan signal. Di-tahun 1956 mereka telah mendapat notis menyuruh berhenti disok hari itu, kemudian saya dengan serta rombongan itu pergi menemui Tunku jam pukul 2.00 pagi memberitahu ia-itu segala askar² yang ada berkhidmat di-dalam signal akan di-berhentikan esok Tunku mengambil langkah dengan serta-merta, maka perkara itu telah selesai dan tidak di-berhentikan orang² itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, lagi saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu bagaimana perselisihan-nya di-antara Tunku yang memimpin UMNO dan juga parti² lawan-nya di-Perak yang di-ketuai oleh Dato' Panglima Bukit Gantang, tetapi bila mereka menuntut kemerdekaan bagaimana bijaksana-nya Tunku boleh menarek hati ia-itu Allahyarham Dato' Panglima Bukit Gantang mewakili Raja² mendapat kemerdekaan itu. Padahal seluruh tempat di-Perak itu boleh di-katakan ada sa-tengah pro Tunku, menyokong Tunku dan ada yang sa-tengah-nya pro Allahyarham Panglima Bukit Gantang, tetapi apabila mereka menghadapi satu musuh dapat mereka selesai dengan tenang sahaja. Jadi, ini-lah kita patut memandang tinggi terhadap Tunku yang telah mengorban masa dan dengan senang lenang dia sendiri memberitahu beberapa tahun yang sudah ia-itu Yang Berhormat Tun Abdul Razak akan menggantikan ia menjadi Perdana Menteri.

Jadi, di-sini bukan-lah senang satu² manusia itu mengorban segala apa² yang di-dapatinya dengan begitu senang lenang asalkan Malaysia ini maju dan jaya. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kita semua telah

banyak menerima nikmat² daripada Tunku dan juga kita berharap kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menjalankan apa² perkara yang telah di-jalankan oleh Tunku lebeh lagi ia-itu kita pandang tinggi kepada Tunku yang telah menjadi Setiausaha di-dalam segi Islam kita yang melantek dia sa-bagai Setiausaha Agong, tetapi kita berharap dunia pun telah kenal sungguh pun negeri kita ini kechil. Di-satu masa pula kita berharap Tunku jadi Setiausaha Agong Bangsa² Bersatu. Terima kaseh.

Dato' Foo See Moi: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong usul yang di-hadapan kita ini. Saya berasa sa-bagai sa-orang Ahli Perikatan yang lama patut-lah juga saya beruchap sa-patah dua berthabit dengan Bapa Kemerdekaan kita Tunku Abdul Rahman. Saya yang sa-benar-nya, yang pertama sekali berjumpa dengan Tunku di-dalam satu perjumpaan dalam Pilehanraya Bandaran di-Kuala Lumpur ini. Saya maseh ingat lagi Tunku bila ia ada dalam perjumpaan itu beliau berkata bagini: Orang ajak kita oleh kerana kebajikan negara, mesti-lah kita datang. Pada masa itu kita berunding bagaimana-kah UMNO dengan MCA bekerjasama di-dalam pilehan raya kechil itu. Inilah satu perkataan yang Tunku telah letakkan dasar Perikatan. Perletakan itu yang kemudian telah membawa kemerdekaan dan untok membentok negara kita ini.

Kalau hendak cherita jasa² Tunku bagaimana yang saya fikir 10 hari atau 10 malam tidak dapat kita habis cherita jasa² Tunku itu.

Pendek-nya semua ra'ayat dalam negara kita ini, kechil besar, tua atau muda, kita semua terhutang budi atas jasa Tunku itu dan termasuk juga saya ingat Parti² Pembangkang, sungguh pun berchakap banyak, tetapi dalam hati mereka itu mereka berasa juga terhutang budi kepada Tunku.

Saya tidak hendak berchakap panjang mencheritakan jasa Tunku itu, chuma pendek-nya saya kata bagini. Bench yang Tunku pilih dan di-tanam oleh Tunku itu sekarang sudah jadi pokok dan pokok itu telah besar dan juga telah berbuah, chuma satu jalan sahaja, saya ingat boleh kita bayar budi Tunku itu ia-lah kita harap semua ra'ayat dalam negara kita ini bekerjasama dan berpadu memelihara pokok² itu supaya buah² itu dapat-lah kita semua ra'ayat menikmati-pada hari ini. Terima kaseh.

Dato' S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untok menyokong usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara. Tuan Yang di-Pertua, Tunku yang kita kasehi ada-lah satu pembahagian atau "gift" dari Tuhan atau zaman kepada Malaysia untok meninggikan kedudukan Malaysia dan membaiki nasib kita dan juga untok menchapai kemerdekaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon keizinan untok memberi ucapan saya dalam bahasa Inggeris supaya saya dapat mengeluarkan perasaan saya yang dalam itu.

(Dengan izin) Sir, I had presumed that the time before us would be very limited and that I should refrain from speaking. But when I have seen that you have been so kind enough to allow so many people to speak, Sir, I too would like to be one of those who would arrange a garland of flowers for Tunku.

Sir, I had discovered in my travel abroad that Malaysia was less known and Tunku Abdul Rahman was more known. There was a time when two of us stood in an Airport scrambling for seats. The official looked at half a dozen people who stood and each one of them expressed his urgency and sought for a seat. I told him, "I come from Malaysia and I am in a hurry with my friend to go." That gentleman did not catch the word "Malaysia". My friend who stood next to me said, "I come from Tunku Abdul Rahman country". When he caught the word "Tunku Abdul Rahman", he turned. Then among the six passengers, we were the two who were invited to go and take the seats. But I did not stop at that; I asked him, "Don't you know Malaysia? Have you not heard of this country before?" He said "No, we here pronounce it as Malay-asia"; when you said 'Malaysia', I did not catch you. But it is easier to know it by the name of 'Tunku Abdul Rahman'." Sir, we were treated with a very special respect all over the world on knowing we came from the country where Tunku Abdul Rahman was the Prime Minister.

The qualities of Tunku could take volumes to write and days to speak, but to put them very concisely, I would like to say that he was very generous to his friends. Tunku was noble to his political enemies who even called names in their election rallies. Tunku never concealed his weakness, and indeed he would say it very easily. Tunku never pretended to be all-knowing. Tunku always listened to the

end even if it was a stupid prattle. Tunku always came down to the level of the ordinary man and gave him the feeling that he is one with him. Tunku never chided even a foolish act. Tunku always welcomed one even in the busiest hours. Tunku's servants never felt that Tunku was their master. They behaved as if they were with their friend. Tunku's Residency was always open, and indeed sometimes I used to be surprised to see the people who had not followed any of the procedure and walked as they liked inside the Residency. Tunku endeared himself by his simplicity. He was not fussy about anything. He wanted nothing for himself. He was called upon to perform ceremonies that are not quite befitting the office of the Prime Minister; and such functions should have been attended only by Assistant District Officers. But yet to please friends, Tunku went and performed those duties. Tunku, above all, never forgot his old friends. He gave them the feeling that Tunku was still Tunku Abdul Rahman and not the Prime Minister of Malaysia.

Since I would not like to take the time of this august House. I would like to narrate one small incident. On a day, a man came to my office and said he wanted to see Tunku Abdul Rahman. I said, "To see the Prime Minister, you will have to make some arrangements". He immediately chipped in and said, "If you can give me his phone number, I will speak to him". But from the look of the man, you would never trust that he can achieve that object. But when I gave him the number with great hesitation, he took the telephone and rang up to the Residency and told me, "He wants me to come." I thought he must be mad. I did not believe him at all. He told me, "I knew Tunku as a District Officer in Sungei Patani, and I am sure he will welcome me". Then I gave him my car; he in return asked me to come along. I was very hesitant because I could not still trust him with what he said. However, after great persuasion, I went, and found instructions had been given in the Residency from the beginning to the end to receive that man, and Tunku was standing, and both of them entered into a chat as if another Prime Minister had come to the Residency. He was a poor shopkeeper who knew Tunku 20 years ago; and thereupon Tunku made all arrangements to look after him because he was a visitor to this country after a long absence in his own country.

These are all some of the examples of Tunku the grateful. He was always grateful to his friends, and always remembered his old friends and gave them the feelings that he is still the same man and nothing has upset him.

Sir, above all, Tunku is one who has suffered a lot for the good of this country. I have known the night in the Station of Johore Bahru when Tunku came to catch the train at 10 o'clock, and said that he has not eaten the whole day as he was visiting the UMNO Branches and settled down to the one packet of food which I had brought down.

Sir, finally, I would like to say that tomorrow in the gallery of nation-builders of Asia, where you would see the illustrious pictures of a Ataturk, the Father of Turkey, Mahatma Gandhi, Jawaharlal Nehru of India, Dr Sun Yat-sen of China, you will also see the picture of Tunku Abdul Rahman as one of the great nation-builder of Asia (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, sa-bagaimana Dewan ini telah mendengar beberapa ramai Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap di-atas usul ini dan ada juga yang mengatakan jikalau berchakap daripada pagi sampai petang, petang sampai pagi pun di-atas pujian Yang Teramat Mulia Tunku tidak akan habis, oleh kerana itu saya akan memberi peluang kepada sa-orang lagi untuk berchakap.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Barangkali oleh kerana generation gap, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bernasib baik saperti Tuan Yang di-Pertua sendiri, saperti Dato' Cheah Toon Lok, saperti Yang Berhormat Tan Sri T. H. Tan dan banyak lagi sahabat² kita yang kenal dengan Yang Teramat Mulia Tunku dengan lebeh dekat lagi. Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, ada sa-kali dua yang saya rasa, saya sangat bertuah kerana dapat bersama² mengerti dan menganggap Tunku sa-bagai sa-orang bapa, sa-bagai sa-orang panglima, sa-bagai sa-orang pemimpin.

Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, mungkin genap 10 tahun yang lampau pada masa itu saya memegang jawatan sa-bagai Yang di-Pertua Kesatuan Melayu United Kingdom yang mana Tunku sendiri pernah memegang jawatan itu. Pada masa itu kami pergi sembahyang Hari Raya bersama² di-Masjid

Woking dan pada masa itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, buat pertama kali-nya Tunku mengumumkan kepada dunia bahawa baik-nya juga di-tubuhkan satu Komanwel Islam. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa megah dan bangga kerana Tunku ia-lah Setiausaha Agong yang pertama yang telah di-pileh oleh Negara² Islam bagi Secretariat Islam.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, suka menerangkan sedikit perasaan saya atau chinta saya terhadap Tunku memandangkan tabi'at-nya. Saya ingat pada satu masa yang mana saya pada masa itu menjadi penuntut di-London dan pada masa itu ada tiga buah persatuan di-London dan pada satu masa Tunku datang ka-London dan biasa-nya pada masa itu tiap² persatuan hendak mera'ikan Tunku. Ini sudah menjadi rebutan kerana siapa yang mera'ikan Tunku dapat-lah dudok dekat-nya. Jadi tiap² Yang di-Pertua telah lobby, mengatakan patut kesatuan-nya mengundang Tunku. Jadi sa-benar-nya kalau ta' salah saya, Tuan Yang di-Pertua, tiga hari tiga malam penuntut² berkelahi sama sendiri, siapa-kah yang hendak menjadi tuan rumah. Akhir-nya perkara ini sampai kepada Tunku. Saya berjumpa dengan Tunku dan dia berkata, "Ah! Tok Janggut, ta' usah susah perkara ini senang sahaja, biar saya belanja makan ini, dan saya akan mempengerusikan-nya". Sa-lepas apa yang di-kata oleh Tunku itu, Tuan Yang di-Pertua, semua penuntut rasa itu satu perkara yang sangat² bijak dan sa-lepas itu rasa saya ta' ada langsung perbalahan di-antara penuntut². Semua-nya bersetuju dengan shor yang di-buat oleh Yang Teramat Mulia Tunku.

Akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyamakan diri saya dengan sentimen² yang telah di-keluarkan oleh Ahli² Yang Berhormat di-sini dan saya perchaya sa-lagi negara kita ada, sa-lagi manusia membacha tawarikh, nama Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj tidak dapat di-lupakan. Terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk merakamkan perasaan penghormatan dan penghargaan yang sa-tinggi²-nya kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di-atas perkhidmatan-nya yang chemerlang dan pengorbanan-nya untuk Negara dan ra'ayat Malaysia sa-hingga dengan pimpinan-nya yang

bijaksana kemerdekaan Negara dan kemajuan yang gilang gemilang dalam beberapa lapangan telah terchapai; dan melahirkan harapan dan do'a moga² Yang Teramat Mulia Tunku akan terus menikmati kesentosaan hidup di-dalam usia yang berpanjangan.

UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:
Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri mohon menchadangkan:

"Bahawa suatu ucapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya—

'Ampun Tuanku,

Patek Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Negara Malaysia di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara menguchapkan berbanyak² shukur dan terima kaseh kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga.'"

Tuan Yang di-Pertua, saya menuchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Yang di-Pertua dan Ahli² Yang Berhormat Dewan ini yang telah pun memberi keperchayaan kepada saya untuk mengemukakan usul ucapan terima kaseh di-atas Titah Uchapan Kebawah Duli telah pun di-lafaskan di-Dewan Ra'ayat ketika pembukaan Parlimen, Penggal Pertama Parlimen pada 22hb yang lalu. Tidak-lah siapa di-antara kita yang boleh meragukan lagi bahawa Titah Uchapan Kebawah Duli itu telah memberi nafas baharu, semangat baharu dan harapan baharu seluroh ra'ayat kerana itu-lah hari pertama Parlimen bersidang sa-mula sa-sudah di-tanggohkan hampir dua tahun lama-nya ia-itu sa-telah negara kita menempoh satu peristiwa yang boleh di-katakan pahit dan sedeh ia-itu dengan terchetus-nya kejadian yang burok di-tahun 1969 dan terpaksa keadaan dharurat di-ishtiharkan. Maka dalam Titah Uchapan ini kita telah sama² dapat mengambil kesimpulan ia-itu Kerajaan Seri Paduka Baginda telah meletakkan dasar² yang tegas dan di-samping itu merakamkan pula penghargaan² kepada jasa² pemimpin saperti jasa yang di-buat oleh Yang Amat Berhormat Tun Dato' Abdul Razak yang pada hari ini telah menjadi Perdana Menteri. Maka di-dalam Titah Uchapan ini jasa beliau telah di-rakamkan sa-bagai sa-orang pahlawan yang telah memberi semangat

menghilangkan kebimbangan itu dengan menubuhkan Mageran atau pun Majlis Gerakan Negara di-sa'at², kachau bilau itu.

Sa-terus-nya, Tuan Yang di-Pertua, Titah Uchapan Kebawah Duli tidak lupa juga merakamkan ucapan terima kaseh dan penghargaan kepada jasa² yang telah diberikan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang telah memimpin negara ini sa-lama 15 tahun dan baharu sa-bentar tadi kita dalam Dewan ini telah bersama² meluluskan satu chadangan ia-itu menyampaikan ucapan sa-tinggi² terima kaseh bagi pehak Ahli² Yang Berhormat Dewan ini kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, fikiran ra'ayat telah mengikuti tentang Titah Uchapan Kebawah Duli ini dengan penoh harapan dan penoh azam dan penoh semangat, kerana di-sini-lah ra'ayat seluroh-nya telah dapat menetapi dasar² yang tegas daripada Kerajaan, terutama sa-kali tentang dasar ekonomi baharu yang di-tujukan untuk membasmi kemiskinan dan bagitu juga untuk menyatu-padukan ra'ayat. Maka dalam Titah Uchapan Kebawah Duli ini telah pun di-tegaskan bagaimana chara²-nya pehak Kerajaan hendak menyampaikan matlamat² yang di-tuju, ia-itu bagi menyibangkan ekonomi antara yang berada dengan yang tidak berada. Kerana dengan ada ekonomi yang sa-imbang ini-lah pehak Kerajaan Seri Paduka Baginda perchaya ra'ayat akan hidup bersatu-padu, ra'ayat akan hidup dengan aman dan damai dan dengan ini-lah barangkali akan dapat di-kekalkan kesetabilan politik di-negara kita ini.

Kemudian lagi telah di-terangkan juga dalam Titah Uchapan Kebawah Duli ini bahawa pehak Kerajaan mempunyai dasar yang tegas dari chara mana hendak memodenkan pertanian ra'ayat² di-kampong supaya lahir-lah satu masharakat tani yang moden tidak lagi saperti masharakat tani yang ada pada hari ini, ia-itu masharakat tani yang mempunyai pendapatan paling kechil sa-kali yang boleh di-katakan kais pagi, makan pagi, kais petang, makan petang. Maka pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, dasar ekonomi baharu ini-lah yang sa-benar²-nya menjadi tangkal azimat menguatkan semangat terutama bagi mereka² yang miskin yang dudok di-kampong² dan ini-lah yang sentiasa menjadi perbualan dan

menjadi tumpuan harapan kepada sa-genap ra'ayat di-negara ini yang di-dalam kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada dasar ekonomi yang tegas ini pehak Kerajaan Seri Paduka Baginda tidak pula lupa merakamkan dalam Titah Uchapan Kebawah Duli itu tentang dasar² dan bagitu juga ranchangan² yang akan di-buat oleh Kerajaan baik dalam bidang pertahanan bagitu juga dalam bidang pelajaran, dasar luar negeri dan perkara² yang menyentoh dengan latehan² kaum belia dan sa-bagai-nya. Maka di-sini tentu-lah Ahli² Dewan ini bersetuju dengan saya bahawa pehak Kerajaan Seri Paduka Baginda telah membuat satu dasar yang terang, mithal-nya dalam dasar pertahanan pada hari ini Kerajaan telah meng-untokkan ia-itu budget yang kedua besar-nya sa-sudah pelajaran ia-itu akan memakan belanja sa-banyak \$566,931,500 untok pertahanan supaya dapat-lah kira-nya negara Malaysia ini tidak lagi tertunggu², tidak lagi hanya menggantungkan harapan untok memberi pembelaan kepada negara ini pada tentera² yang datang dari luar dan di-samping itu mengikat perjanjian supaya di-adakan pertahanan bersama di-antara lima buah negara ia-itu Singapura, Malaysia, Australia, New Zealand dan Britain. Maka dengan ini di-harapkan dapat-lah kira-nya dasar pertahanan ini menjamin keselamatan di-negara kita ini.

Dan bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kita telah sama² dengar pehak Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak mengemukakan supaya Tenggara Asia ini di-jadikan sa-bagai satu daerah pengechualian dengan jaminan daripada China, Britain dan Soviet Union, kerana dengan ini-lah di-fikirkan negara² kechil saperti negara kita ini dapat terselamat daripada anchaman kuasa² besar.

Tuan Yang di-Pertua, tentang dasar pelajaran pula, rasa saya Kerajaan telah tegaskan Dasar Pelajaran Kebangsaan, ia-itu menitek-beratkan tentang pemakaian Bahasa Kebangsaan untok semua mata pelajaran termasuk-lah sains dan ilmu hisab. Maka dengan ada-nya satu dasar yang tegas, memakai satu Bahasa Kebangsaan saperti ini-lah, saya rasa akan wujud-lah satu masharakat Malaysia yang bersatu-padu, kerana ini-lah rasa saya satu jalan yang boleh keluar daripada kerumitan² yang di-tempoh pada hari ini, ia-itu dengan tidak dapat menyatukan pemikiran ra'ayat kerana

dengan berbagai² chorak yang kita hadapi, ini tidak berma'ana akan menekankan kebudayaan², atau pun pemakaian² bahasa asing, tetapi di-sabuah negara yang merdeka, maka pemakaian Bahasa Kebangsaan itu perlu-lah di-tegaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada perkara² yang telah saya sebutkan ini, pehak diri saya sendiri ingin-lah menyentuh beberapa perkara yang rasa saya ingin hendak mengambil kesempatan kerana inilah sahaja kesempatan yang akan di-beri kapada saya di-dalam membentangkan Titah Uchapan Kebawah Duli ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar dan saya memang tahu tentang chita² baik yang di-buat oleh Kerajaan tentang dasar ekonomi baharu ini. Tetapi apa yang menjadi kebimbangan dan apa yang menjadi kekhuatiran pada kebanyakan orang, ia-itu tentang chara perlaksanaan dasar ekonomi baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah nampak dan kita telah saksikan usaha² yang telah di-buat oleh Kerajaan, dengan ada-nya penubohan badan² saperti PERNAS, MARA, ini ada-lah bertujuan untuk menolong orang² Melayu, menggalakkan orang² Melayu dalam bidang perniagaan.

Saya sendiri telah chuba meninjau² fikiran peniaga² Melayu di-sakeliling pekan Kuala Lumpur ini, maka kesimpulan yang saya dapat mereka² ini menyambut baik tentang usaha² yang di-bawakan oleh PERNAS, ia-itu memberikan bantuan barang² kapada mereka² ini yang sekarang ini sedang membuka kedai, atau telah menjalankan perniagaan. Tetapi apa yang agak menjadi rumit kapada mereka, PERNAS ini kata-nya tidak-lah mempunyai lagi atau pun belum lagi mempunyai bekalan barang² yang chukup, ma'ana-nya barang² yang di-sediakan oleh PERNAS belum menchukupi lagi.

Jadi, ini satu jalan yang telah di-buka oleh Kerajaan ia-itu dengan ta' payah ada jaminan lagi. Kalau dahulu pehak MARA boleh memberikan pinjaman, tetapi dengan jaminan, tetapi pehak PERNAS kata mereka ta' payah ada jaminan. Tetapi mereka ini boleh-lah mengambil barang sa-takat harga \$1 ribu untuk memulakan perniagaan. Jadi ini-lah satu perkara yang sangat menarek perhatian saya, ia-itu memberikan jaminan atau pun bantuan kapada mereka² yang benar² ingin hendak berniaga dengan ta'

payah ada chagaran atau ada-nya benda² yang boleh di-letakkan sa-bagai jaminan. Sa-lama ini ini-lah yang menjadi rumit kapada orang² Melayu yang hendak menyertai bidang perniagaan kerana sa-tengah² mereka ini ta' ada modal, yang ada kemahuan, sa-tengah²-nya ta' ada modal langsung, boleh di-katakan saperti kata orang Melayu yang ada itu hanya gigi dengan lidah, sa-tengah² itu gigi pun sudah tidak ada. Jadi ini-lah keadaan² mereka ini yang sentiasa tersekat ta' dapat langsung hendak mengemukakan atau hendak menchapai chita² mereka itu hendak menyertai bidang perniagaan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pula lagi sa-kali dahulu pernah juga MARA, RIDA dan bagitu juga usaha² yang lain yang di-buat untuk menolong orang² Melayu dalam bidang ini tetapi sentiasa menghadapi jalan buntu dan akhir²-nya kata penyanyi: Wala-sal balek hasil—ta' ada juga kemajuan dalam perniagaan. Dan saya chuba lagi memikirkan apa-kah chara nya yang boleh mengatasi supaya kalau-lah sa-kira-nya mereka² ini telah meminta pertolongan dengan PERNAS, sudah berniaga, tetapi kalau ta' maju, PERNAS akan berhenti, memberikan bekalan barang² kapada mereka yang hendak buka perniagaan tadi. Jadi kalau macham chara bagini pun barangkali banyak yang chuba hendak berniaga tetapi sa-lepas sabulan barangkali tidak dapat hendak memenohi kehendak PERNAS, tidak dapat hendak membayar sadikit pun ansoran hutang wang kapada PERNAS, maka mereka ini akan gulong tikar juga.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin chadangkan dalam Dewan ini supaya pehak Kerajaan mengadakan satu Consultant Bureau. Yang saya maksudkan ini ia-lah satu Bureau di-mana orang² yang berniaga itu di-beri guidance, di-beri pimpinan dan bagitu juga, pehak Bureau ini boleh menyiasat bagaimana keadaan orang yang berniaga ini sa-sudah di-berikan bantuan, maju-kah tidak perniagaan-nya. Ini perlu di-adakan pada pendapat saya kalau ta' di-adakan Consultant Bureau atau di-namakan Business Consultant atau pun apa juga, ini tidak-lah menjadi halangan. Jangan-lah lagi di-buat macham Malay Secretariat yang di-adakan oleh Kementerian Perdagangan yang dahulu itu yang saya rasa sekarang ini entah ada lagi entah ta' ada lagi, saya pun ta' tahu-lah.

Dahulu ada satu Malay Secretariat di-Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, saya sendiri ta' tahu apa sudah jadi kepada Malay Secretariat ini.

Jadi yang saya maksudkan di-samping kita hendak menjalankan ranchangan yang bagini besar, pada pendapat saya, hendak-lah ada satu badan yang memberikan bimbingan, memberikan nasihat kepada orang² yang hendak mencheborkan diri dalam bidang perniagaan ini. Kata-lah satu hamba Allah ingin hendak membuka perniagaan, ka-mana dia hendak mendapat nasihat, chara mana dia hendak membuka perniagaan, kepada siapa dia hendak bertanya. Kalau mereka ini pergi ka-Pejabat MARA pun, saya rasa MARA tidak ada memberikan service yang sa-umpama ini dan kepada saya mereka² telah pernah menyampaikan aduan bahawa tidak ada mereka dapat bimbingan, atau pun guidance, atau pun nasihat apa jenis perniagaan yang patut di-buat di-mana sa-patut-nya membuat perniagaan. Ini saya tujukan ia-lah kerana saya sudah nampak

Tuan Abdul Samad bin Osman: On a point of order. Ahli Yang Berhormat ini, dia bawa usul-nya, atau dia bahathkan usul? Ini dia membahathkan!

Tuan Yang di-Pertua: Dia memberikan fikiran.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Ini berkenaan dengan perlaksanaan. Tuan Yang di-Pertua, kerana saya tidak akan mendapat peluang lagi untuk berchakap, kerana itu-lah dari mula kalau Ahli Yang Berhormat itu dengar tadi, saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, supaya saya di-benarkan menggunakan kesempatan ini. Yang Berhormat Peguam Negara berkata saya berhak mengemukakan perkara yang saya sebutkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun sudah kata bagitu, boleh.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Boleh, terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap pehak rakan saya Enche' Samad ini ta' usah-lah gadoh sangat saya menyentoh soal ini, kerana kalau sa-mata²-lah saya hendak membawa usul saya ta' di-benarkan pula hendak menyentoh soal² perlaksanaan yang timbul dari usul ini, rasa

saya itu ada-lah ta' patut, kerana barangkali Yang Berhormat itu tahu saya tidak akan berpeluang lagi untuk mengambil peluang kali yang lain dalam perkara yang ada di-hadapan kita ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sa-benarnya suka mengemukakan perkara ini, ia-itu supaya biar-lah matlamat² yang di-tuju di-dalam dasar ekonomi Kerajaan baharu ini dapat kita chapai. Jadi apa yang saya tidak ingin melihat kalau-lah matlamat kita "A" tetapi sa-sudah 20 tahun atau pun jangka masa yang kita hadkan bukan-nya kita sampai ka-A barangkali kita sampai ka-Z. Ini yang saya ta' hendak. Jadi kerana itu-lah kalau chadangan yang saya mengemukakan ini, ia-itu hendak membuat satu Consultant Bureau atau pun Badan Penasihat yang hendak memberikan nasihat kepada orang² Melayu yang hendak berniaga ini, kita chubalah letakkan di-bawah task force yang hendak di-buat dalam Jabatan Perdana Menteri. Kita chubalah menchari jalan supaya kesilapan² di-masa yang sudah², dalam baik yang berlaku pada MARA atau pun pada RIDA atau pun juga ranchangan² yang lain tidak timbul lagi. Jadi elok-lah kalau sa-boleh²-nya dapat kita elakkan supaya dapat-lah apa yang terkandung di-dalam Titah Uchapan Kebawah Duli ini dapat di-laksanakan dengan baik dan dapat di-laksanakan dengan jaya-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya maseh teringat apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Ghazali dalam Dewan ini beberapa waktu yang lalu, ia-itu beliau itu menyebutkan beri-lah masa bukan-lah dengan desakan² yang tidak sabar, atau pun harassment, beri-lah kami kerjasama tidak-lah halangan²; beri-lah semangat dedikasi yang tidak kenal penat, yang tidak mengutamakan kepentingan diri sendiri.

Kalau-lah kita tinjau tiga perkara yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Ghazali itu memang boleh benar-lah di-jayakan dengan ada-nya kerjasama daripada sa-genap lapisan ra'ayat, kerjasama bukan sahaja sa-takat daripada orang² yang bukan Melayu, tetapi saya harapkan ia-lah juga daripada orang² yang bukan ra'ayat yang mempunyai harta dan kekayaan di-negeri ini. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin lagi untuk meneruskan ucapan saya ini, kerana apa yang saya nampak kalau-lah dengan tidak ada-nya kesedaran yang mendalam baik di-pehak swasta, bukan Melayu,

atau pun yang bukan ra'ayat, maka tujuan², matlamat² yang telah di-tentukan oleh Kerajaan ini harus barangkali akan menempoh berbagai² rintangan. Kejayaan yang boleh kita chapai dalam masa yang singkat barangkali akan memakan masa yang lebeh panjang lagi. Jadi kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tinjau keadaan di-negeri kita ini, samemang benar-lah orang Melayu-lah yang paling banyak terlingkong dalam gulungan orang² yang miskin ia-itu 74% orang Melayu duduk di-luar bandar. Orang² Melayu ini mengerjakan kerja² yang tidak mendatangkan hasil yang begitu banyak, sebab itu-lah mereka ini lebeh banyak lagi yang miskin daripada yang berada. Kerana itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan matlamat² Kerajaan ini perlu-lah rasa saya di-adakan ranchangan² yang lebeh terator, biar-lah terlambat sadikit barangkali, tetapi kita tidak tersilap, kerana rasa saya kalau-lah kita terkejar² dengan tidak chukup ada ranchangan² yang menentukan tidak ada abuse ma'ananya tidak ada peluang untuk gulungan² yang menggunakan kesempatan, atau petualang² yang akan menchari kesempatan². Jika tidak ra'ayat yang kita tujukan yang hendak di-beri pertolongan itu, akan melepasi juga apa² peluang yang di-sediakan oleh Kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, rasa saya perlu-lah setiap ra'ayat memberikan kerjasama untuk menjayakan dasar ekonomi yang baharu ini, kerana dengan ini-lah sahaja barangkali dapat mengadakan satu perubahan baharu kepada kehidupan ra'ayat yang ada di-negeri ini untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi antara yang berada dengan yang tidak berada, tidak kira bangsa atau pun agama.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pehak saya sa-kali lagi mengucapkan terima kaseh di-atas peluang yang di-beri kepada saya, maka saya sa-kali lagi mengemukakan chadangan untuk menyampaikan Uchapan Terima Kaseh ka-atas Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kaseh. (*Tepok*).

Dato' Y. T. Lee: Tuan Yang di-Pertua, kali ini saya hendak meminta izin berchakap dalam bahasa Inggeris. Saya menyokong penoh usul ini.

(*Dengan izin*) Mr President, Sir, it is a great honour and privilege to be given the oppor-

tunity to second the Motion to offer our humble thanks to His Majesty for His Gracious Speech at the opening of the First Session of the Third Parliament.

Undoubtedly the brightest event of His Gracious Majesty's reign is the re-opening of Parliament after a lapse of nearly two years. The return to Parliamentary rule is indeed a highly welcome move and augurs well for the future of the country.

Last month we witnessed the glittering installation of His Majesty as the 5th Yang di-Pertuan Agong of Malaysia. A few days after the flood, His Majesty issued a statement saying that because of it, the celebrations on His Majesty's installation should not be on an elaborate scale bearing in mind the sufferings of the flood victims. Such concern over the sufferings of the people shows in bold perspective His Majesty's sterling qualities. His humble subjects will all the more revere such kind thoughts on the part of His Majesty.

During the Emergency the N.O.C. under the able Chairmanship of Y.A.B. Tun Abdul Razak had performed "mission impossible" and this credit must go to the Tun and his colleagues for a job well done and though the N.O.C. has stopped functioning with the return of the country to Parliamentary rule, it will have a prominent niche in the history of Malaysia.

Mr President, Sir, it is not my intention to deal at length with His Majesty's Gracious Speech. I will touch on a few salient factors which will establish Malaysia as a happy and prosperous nation.

His Majesty stressed that one of the aims of the Government was the creation of a just society. This is indeed a move in the right direction. Any impression of discrimination in favour of any one community in our multi-racial society must be avoided.

The two main objectives of the Government's new Economic Policy were:

- (1) To eradicate poverty among the "have-nots" irrespective of their racial origin.
- (2) To strengthen national unity.

There is no doubt that the private sector in meeting the objectives of the new Economic Policy will have a more important role to play than it had played in the past. It is

indeed heartening to note that the Government, realising the importance of this, has taken the private sector into greater confidence. But to enable the private sector to play a constructive and more effective role, a two-way flow of data and information is very necessary.

In almost any field of enterprise the private sector has the experience to advise and assist the Government on the Second Malaysia Plan. A tremendous amount of public fund can be saved if the various projects of the S.M.P. are administered and run in a commercially-sound manner.

With the reconvening of Parliament and the thumping majority with which the Constitution (Amendment) Bill had been approved by the two Houses, confidence in the future of the country has been restored. Now that the political and investment climate is clearer, planters, miners and industrialists will no doubt quicken the tempo. The private sector awaits with great eagerness the details of the specific new Government policies on private investment.

Mr President, Sir, we are all concerned and interested in the security and defence of South-East Asia, because it is a matter of life and death for us. With more countries having attained their independence the cold war has been little heard of and is succeeded by a growing *detente* between the two super-powers—the United States and the Soviet Union. Furthermore, colonialism and imperialism have receded from the world scene.

